

Jilid II
Bil. 4



Hari Jumaat
11hb Mac, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMETARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIBALAN YANG DIPERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Ruangan 557]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 557]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Y.B. Tuan R. Karpal Singh Ditangkap Semula—Y.B. Tuan Lee Lam Thye
[Ruangan 621]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani [Ruangan 625]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJL ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., p.i.s. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, s.i.M.p., P.N.B.S., j.B.s. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT(Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.s.N.s., s.M.j. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAK BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar)..
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALIO BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI UTIS (Simunjan).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAYID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAPAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ **TUAN HTUANHUSEPANG**(Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID. S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

Yang Berhormat DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAL *alias* PAUL PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOPP BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ **TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).**
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J.. s.s.u., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.H.N. (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

„ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., **j.p.** (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., p.i.s. (Johor Bahru).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBBAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

„ DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

- Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdu! Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penotong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 11 hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN
TIMBALAN
YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.B. Tuan Lim Kit Siang bagi kawasan Tanjung dari 7hb Mac hingga 25hb Mac, 1988 kerana Yang Berhormat di dalam tahanan.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

TUNTUTAN FILIPINA ATAS
SABAH

1. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar

negeri memberitahu apakah langkah-langkah positif yang telah diambil supaya Filipina mengeneipkan tuntutan ke atas Sabah dan bagaimana pula hubungan diplomatik, ekonomi dan sosial kedua-dua negara Malaysia dan Filipina.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa mengalu-alukan hasrat dan usaha Pentadbiran Aquino untuk menggugurkan tuntutan kedaulatan ke atas Sabah. Walau bagaimanapun, Senate Filipina mahukan beberapa syarat, seperti yang terkandung di dalam Bill Senate, dipenuhi oleh Malaysia sebelum tuntutan kedaulatan ke atas Sabah digugurkan. Malaysia tidak dapat menerima syarat-syarat yang dikemukakan kerana adalah menjadi pendirian Malaysia bahawa pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah hendaklah dilakukan tanpa apa-apa syarat.

Malaysia juga telah mengumumkan kesediaannya untuk menandatangani Triti Persahabatan dan Kerjasama serta Perjanjian Lintas Sempadan dan Rondaan Bersama Sempadan dengan Filipina setelah Filipina menggugurkan tuntutan kedaulatan ke atas Sabah.

Hubungan diplomatik dengan Pilipina tidak terjejas walaupun wujudnya isu ini, namun kerjasama dua hala yang bermakna seperti di bidang ekonomi dan sebagainya hanya dapat dijalin setelah Filipina menggugurkan tuntutan kedaulatan ke

atas Sabah secara "definitive" dengan izin, tanpa apa-apa syarat.

Tuan 'Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah syarat-syarat telah ditentukan di dalam Bilt Senate di Filipina yang harus dipenuhi sebelum negara jiran ini dapat tarik balik tuntutan ke atas Sabah. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebut ada syarat-syaratnya tetapi tidak disebutkan butir-butirnya, Minta penjelasan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Syarat-syarat yang ditentukan adalah banyak sekali, tetapi seperti yang saya kata awal-awal tadi pihak Kerajaan kita memang berpendirian tegas dalam isu ini dan kita tidak mahu langsung menimbang apa-apa syarat sekalipun. Kita mahukan tuntutan ke atas Sabah itu digugurkan tanpa apa-apa syarat seperti yang kita telah pun berbincang dengan pemimpin Kerajaan Filipina.

Tuan Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai tuntutan Pilipina ke atas Sabah, kita teringat satu ketika semasa President Marcos di dalam pemerintahannya sebelum beliau melawat ke Kuata Lumpur beliau cuba berjanji untuk melepaskan tuntutan itu. Barangkali sekadar untuk mengenakan pemimpin-pemimpin kita. Dan begitu juga sebelum persidangan baru-baru ini di Manila sendiri pun berjanji seolah-olah tuntutan ini akan dilepaskan. Soalannya apakah kita atau Kerajaan Malaysia terasa sesuatu ataupun kalau hendak dikatakan dipermainkan tidak eloklah, tetapi terasa sesuatu bahawa pemimpin-pemimpin Filipina ini sedang berdolak-dalik dalam soal tuntutan ke atas Sabah.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar tentang janji yang

diperolehi dari President Marcos pada suatu ketika dahulu dan juga kata-kata yang diberikan oleh pimpinan Kerajaan Aquino, terutamanya melalui Menteri Luarnya semasa lawatan mereka ke Malaysia baru-baru ini. Tentunya pihak Kerajaan Malaysia terasa tidak begitu berpuas hati sebab pengguguran itu tidak dapat dilaksanakan sebelum ataupun semasa Sidang Kemuncak Ketua-ketua ASEAN yang dikatakan di Manila pada bulan Disember tahun sudah. Tetapi kita, sebagai Kerajaan memang mengalu-alukan pendirian tegas dan keikhlasan pemimpin Kerajaan Filipina sekarang tentang kehendak mereka untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah ini, cuma pihak Senate sahaja yang begitu independent, dengan izin, yang tidak dapat menerima kehendak Kerajaan Filipina oleh kerana sistem pentadbiran dan sistem politik Filipina itu tidak seperti di sini yang mana di sana Senate begitu independent dan tidak mudah pihak pentadbir ataupun pihak Kerajaan mengemukakan sesuatu untuk mendapat kelulusan secara keseluruhannya oleh ahli-ahli Senate. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia menaruh penuh harapan dan kepercayaan kepada Kerajaan Filipina untuk mengusahakan lagi dengan sedaya upaya mereka untuk menggugurkan tuntutan ini dengan kadar secepat mungkin yang boleh.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu sama ada benar satu perakuan oleh Sultan Sulu bahawa pada tahun 1986 Baginda telah ditawarkan sebanyak £87 juta oleh seorang yang mengakui ia dihantar oleh Kerajaan Malaysia sebagai balasan supaya Baginda menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, anggapan itu tidak benar.

**PERJANJIAN PERDAGANGAN
DUA HALA MALAYSIA-
CHINA**

2. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kemajuan yang dicapai oleh Jawatankuasa 3 orang anggota Kabinet yang diberi amanah untuk menyediakan perjanjian dua hala antara Malaysia-China berikutan pengumuman Kerajaan untuk mengecualikan permohonan AP untuk mengimport barang-barang dari China.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, tugas Jawatankuasa 3 orang anggota Kabinet yang dimaksudkan itu bukanlah untuk menyelaraskan Perjanjian Perdagangan Dua Hala Malaysia dengan Republik Rakyat China.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tersebut hanya ditugaskan untuk mencari jalan menggalakkan import-eksport negara melalui kapal-kapal Malaysia dan meningkatkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan dalam negeri.

Mengenai isu Perjanjian Perdagangan Dua Hala Malaysia dengan Republik Rakyat China, kedua-dua pihak telah bersetuju supaya ianya ditandatangani pada 1 hb April yang akan datang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini saya tengok ada menyebut perkataan pengecualian AP. Jadi, saya hendak bertanya sebab ini tidak dijawab, apakah sebenarnya ada AP untuk mengimport barang-barang daripada negeri China?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau kerana memberi saya satu peluang untuk menjelaskan perkara ini. Sebenarnya, barang-barang yang diimport di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1981 ada dua kategori—di bawah Jadual Pertama atau Jadual Kedua. Di bawah Jadual Pertama, barang-barang tidak dibenarkan diimport sama sekali, maknanya dari semua negara keseluruhan dunia. Di bawah Jadual Kedua, itu meliputi barangan tidak dibenarkan diimport kecuali memperolehi lesen import.

Sejak 3hb Mac tahun ini, Kerajaan kita sudah menggezet pemansuhan AP tentang barang-barang yang diimport dari negeri China. Barang-barang yang diimport dari China" ialah di bawah Item 23 di bawah Jadual Kedua itu sudah dimansuhkan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Utis: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya rancangan ini terlaksana, apakah harapan kita dari segi unjuran keuntungan yang diperolehi oleh negara Malaysia? Adakah ia lebih menguntungkan kita ataupun menguntungkan negeri China? Itu satu. Kalau menguntungkan kita berbanding dengan apa yang kita perolehi sekarang dari segi unjuran kasar, apakah yang boleh kita perolehi daripada melaksanakan rancangan yang kita usahakan ini?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, dalam satu perjanjian khususnya dalam Perjanjian Perdagangan, perjanjian itu mesti menguntungkan dua hala—negara kita dan negara China. Tetapi dari segi negara kita, Malaysia, keputusan Kerajaan menghapuskan lesen AP ke atas import barang-barang dari Republik Rakyat China ialah untuk menggalak dan meningkatkan perdagangan secara langsung di antara kedua buah negara.

Yang lain, bila perjanjian perdagangan yang akan ditandatangani, negara kita boleh mengeksportkan barang-barang Malaysia ke RRC dengan dikenakan cukai import yang rendah dari yang dikenakan sekarang.

ANGKATAN TENTERA— KELENGKAPAN KERETA PERISAI

3. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada pihak Tentera Darat akan mempertingkatkan kewibawaan batalion-batalion infanterinya dengan kelengkapan kereta-kereta perisai seperti yang dilakukan oleh negara-negara jiran.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Pertahanan untuk mempertingkatkan sistem kekesanan pertahanan bukan sahaja Tentera Darat tetapi Angkatan Tentera amnya ke tahap yang dapat menjamin kedaulatan negara kita tidak dapat dicabuli oleh mana-mana pihak. Ke arah ini, Angkatan Tentera telah menyediakan beberapa rancangan-rancangan pembelian alat-alat peperangan yang lebih moden dan 'sophisticated', dengan izin. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan ekonomi kita masih belum lagi pulih seperti yang diharapkan, maka rancangan pembelian tersebut terpaksa dihadkan kepada alat-alat yang sangat diperlukan manakala yang lain itu akan ditangguhkan pembeliannya sehingga kepada suatu masa di mana keadaan kewangan mengizinkan.

Namun begitu, suka saya menyatakan di sini bahawa berhubung dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, walaupun Kementerian Pertahanan sedang

mengalami 'constraint', dengan izin, dari segi kewangan, ia telah mengambil langkah yang positif untuk meningkatkan kewibawaan batalion infanteri dengan cara menyusun semula beberapa batalion termasuk batalion berperisai.

Dengan ini, Angkatan Tentera kita dapat meningkat keupayaan dan kemampuan tempur pasukan infanteri.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pertahanan memberitahu Dewan ini berapakah jumlah kereta perisai yang ada yang digunakan oleh Angkatan Tentera kita pada hari ini dan difahamkan juga bahawa kereta-kereta perisai yang telah dibeli oleh Kerajaan iaitu Kementerian Pertahanan yang ada hari ini tidak dapat bergerak ataupun 'manoeuvre' dengan lancar dan sempurna oleh kerana gun yang dip"asang adalah lebih berat daripada yang sepatutnya dan mengapakah ini boleh berlaku?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sukarlah saya hendak memberitahu Dewan ini berapakah jumlah kereta-kereta perisai kita, mungkin ini satu daripada rahsia kita. Sungguhpun barangkali ada orang-orang yang sudah tahu, kalau saya mengaku pula, ini mengesahkan lagi. Saya rasa tidaklah perlu dan saya rasa baik untuk saya untuk merahsiakan berapakah kereta-kereta perisai kita ini.

Saya sukalah mengatakan bahawa kereta perisai yang kita ada ialah bermacam-macam, saya rasa ada yang APC, ada yang dipanggil kereta kebal dan sebagainya. Saya rasa setakat itulah sahaja yang saya boleh beritahu kepada Dewan ini. Di atas angka itu, saya rasa kalau Yang Berhormat hendak tanya saya, bolehlah saya bisik dengan beliau sekejap lagi. (*Ketawa*)

Sepertimana yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, tidaklah susah hendak 'manoeuvre' oleh sebab keberatan itu. Saya rasa tidaklah benar — kita tidak boleh, barangkali ada sedikit sebanyak kekurangan. Ini seringkali berlaku di dalam satu-satu kereta, tidak ada sepenuhnya yang semua baik. Barangkali setengah buatan ini mungkin roda tidak baik, barangkali setengah buatan senapang tidak baik. Seperti manusia jugalah, Tuan Yang di-Pertua, ada yang hidung tidak begitu cantik, pipi tidak begitu elok dan sebagainya, sama juga buatan kereta-kereta yang mana ini buatan manusia.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan juga berkenaan dengan kereta-kereta perisai ini, ada negara-negara jiran kita mempunyai kereta-kereta perisai yang lebih moden daripada negara kita. Dan dari semasa ke semasa kita telah mengadakan latihan bersama mengikut perjanjian-perjanjian pertahanan yang ada diantara negara kita dengan negara-negara jiran.

Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita membenarkan kereta-kereta perisai daripada negara jiran untuk mengambil bahagian di dalam latihan-latihan pertahanan bersama dengan negara kita ataupun sebaliknya, kereta-kereta perisai negara kita mengambil bahagian di negara-negara jiran dan kalau ada saya pohon penjelasan, kalau tidak saya ingin tahu mengapa tidak.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kereta perisai ini banyak jenis seperti yang disebutkan tadi, yang mana setengah negara jiran atau tidak jiran yang membeli kereta-kereta ini, ada yang menyifatkan lebih baik pada fikiran setengah-setengah orang dan ada yang tidak begitu baik. Jadi, saya rasa

tidaklah boleh mengaku mengatakan setengah-setengah kereta perisai yang dipunyai oleh negara jiran ini lebih baik pada kita, ini satu perkara hanya fikiran sahajalah.

Yang kedua, pertanyaan bersabit adakah kereta-kereta perisai negara-negara jiran ini mengadakan exercise di negara kita bersama.

Pada masa yang lepas, setakat ini tidaklah ada kereta-kereta perisai jiran yang mengadakan exercise dengan kita, tidak ada kereta-kereta ataupun yang lain yang masuk ke dalam negara kita ini yang menyertai di dalam exercise.

Saya rasa itulah pertanyaan yang dapat saya jawab, dan saya suka mengatakan dari segi pertahanan, tiap-tiap amalan kita, pada fikiran kita perlu negara-negara ASEAN memikirkkan iaitu ancaman bukanlah daripada negara-negara jiran yang dalam ASEAN, bahkan patutlah kita menekankan kepada ancaman-ancaman daripada negara-negara yang luar daripada negara-negara ASEAN. Itu yang penting buat masa sekarang ini mengikut keadaan yang terdapat di segi keselamatan.

Perlu saya rasa kita memikirkkan bagaimana negara-negara mengikut bilateral, dengan izin, bekerjasama untuk memberikan satu kekuatan, ketahanan (resilience) kepada negara-negara dalam anggota ASEAN ini. Ini akan meningkatkan lagi resilience ataupun ketahanan negara-negara ASEAN keseluruhannya sebagai satu region ataupun pasukan.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERUMAHAN MALAYSIA

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (i) sejauh manakah usaha Kementerian dari segi

mewujudkan sebuah Institut Perumahan Negara sehingga kini; dan

- (ii) adakah Kerajaan berpuas hati dengan cara pemaju-pemaju perumahan mengatasi masalah setinggan yang terlibat dengan projek-projek perumahan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah lama memperolehi tapak untuk mendirikan Institut Penyelidikan Perumahan Malaysia (IPPM) di atas Lot 1703 Mukim Cheras. Malangnya disebabkan keadaan ekonomi yang kurang baik, Kementerian tidak diberi peruntukan untuk membina IPPM. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan lukisan-lukisan lengkap dan spesifikasi yang diperlukan bersiap sedia untuk memulakan pembinaan apabila peruntukan diberi kelak. IPPM akan mengandungi bangunan utama seluas 3,367 meter persegi dan juga kemudahan makmal untuk menguji bahan-bahan binaan dan struktur-struktur.
- (ii) Oleh kerana tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri, maka pihak Kerajaan-kerajaan Negeri apabila meluluskan pembinaan perumahan-perumahan syarat-syarat kepada pemaju untuk mengatasi masalah setinggan yang terlibat dalam projek-projek perumahan. Bagi projek-projek yang berkenaan sekiranya terdapat setinggan, syarat-syarat yang biasa

dikenakan adalah seperti berikut:

- (a) menawarkan rumah kos rendah kepada keluarga-keluarga setinggan yang terlibat; atau
- (b) menempatkan keluarga-keluarga setinggan yang berkenaan di rumah-rumah sementara seperti rumah panjang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib tidak hadir).

FELDA—KEGIATAN PENEROKA

6. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (i) apakah langkah yang diambil dengan usaha mengimbangkan pembangunan fizikal dan manusia/masyarakat di rancangan-rancangan FELDA; dan dan
- (ii) sila nyatakan berapa banyakkah perbadanan-perbadanan FELDA yang telah membuat keuntungan semenjak ianya ditubuhkan dan berapa banyakkah daripada keuntungan-keuntungan itu dipulangkan kepada para peneroka.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, kegiatan-kegiatan pembangunan masyarakat peneroka FELDA dilaksanakan seiring dengan pembangunan fizikal

sesebuah rancangan. Kegiatan-kegiatan pembangunan masyarakat yang dilaksanakan tertumpu kepada 5 perkara pokok iaitu di bidang kekeluargaan, keagamaan, per-ekonomian, pendidikan dan pentadbiran. Soal pendapatan peneroka menjadi satu-satunya unsur utama yang perlu diperimbangkan dengan kemajuan fizikal yang dibuat oleh FELDA. Pihak Kementerian dan FELDA sentiasa mengambil tindakan-tindakan yang menasabah bagi memastikan para peneroka mendapat pulangan yang wajar dari usaha-usaha yang mereka buat. Peneroka-peneroka juga dibantu untuk mempelbagaikan sumber-sumber pendapatan sebagai suatu cara menambahkan pendapatan mereka.

Peneroka juga dilibatkan dalam pentadbiran dan pengurusan rancangan, melalui satu sistem perwakilan yang bermula di peringkat rancangan, gabungan dan Kebangsaan. Wakil-wakil peneroka juga terdapat di dalam Lembaga FELDA dan Perbadanan-perbadanan FELDA.

Semenjak ditubuhkan hingga akhir tahun 1986 jumlah keuntungan yang diperolehi oleh Perbadanan-perbadanan FELDA ialah \$439.42 juta. Dari jumlah itu \$24.87 juta telah dipulangkan kepada peneroka melalui Tabung Sosio Ekonomi Peneroka. Tabung Sosio Ekonomi ini bertujuan untuk memberikan bantuan kewangan kepada peneroka-peneroka bagi menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi sampingan yang boleh menambahkan pendapatan serta memperbaiki taraf hidup mereka.

Pulangan kepada peneroka bukan sahaja daripada keuntungan yang diperolehi oleh Perbadanan-perbadanan tetapi juga melalui pemilikan 88.6% ekuiti dalam

Perbadanan-perbadanan oleh tabung-tabung peneroka dan Koperasi Permodalan FELDA.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi ada dinyatakan bahawa kedudukan Tabung Sosio Ekonomi adalah agak menarik, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah bentuk ekonomi sampingan yang telah diberikan oleh pihak Kementerian; dan adakah pihak Kementerian berpendapat bahawa perolehan sebanyak \$24.3 juta itu telah mampu membasmi taraf kemiskinan peneroka yang dinilai pada pendapatan \$300 sebulan. Terima kasih.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, bantuan-bantuan yang diberikan itu adalah berbagai, misalnya di bidang pertanian, bidang perusahaan dan perniagaan di mana peneroka-peneroka yang berminat telah mengemukakan permohonan-permohonan kepada FELDA untuk mendapatkan bantuan daripada Tabung Sosio Ekonomi itu. Selain daripada itu ada juga kegiatan-kegiatan lain yang disalurkan menerusi Tabung Sosio Ekonomi ini mengikut permohonan-permohonan yang dipanjangkan oleh para peneroka ataupun pemimpin-pemimpin peneroka dan pada himat kami peneroka-peneroka yang telah cuba berusaha itu telah mendapat sebanyak sedikit keuntungan daripada usaha-usaha yang mereka buat.

Untuk mengatakan sejauh mana dan setakat mana satu-satu" kegiatan itu dapat memberikan sumbangan ke arah usaha-usaha membasmi ataupun memperbaiki lagi taraf hidup para peneroka itu, mengikut rekod yang ada pada kita, peneroka-peneroka yang telah berusaha sebanyak sedikit telah dapat memberi kesan kepada kehidupan ataupun pendapatan mereka keseluruhannya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Yang Berhormat Timbalan Menteri baru menyatakan bahawa melalui perbadanan-perbadanan FELDA, FELDA telah mendapat keuntungan lebih kurang \$439.4 juta. Tetapi beliau juga mengatakan bahawa daripada jumlah tersebut hanya \$24.7 juta sahaja yang dipulangkan balik kepada peneroka melalui Tabung Sosio-Ekonomi dan sebagainya. Saya ingin tahu mengapakah pulangan yang diberikan kepada peneroka terlampau kecil sekali dibandingkan dengan keuntungan yang begitu besar yang didapati oleh perbadanan-perbadanan FELDA tersebut? Dan saya minta alau holeh Yang Berhormat dapat menerangkan sedikit jumlah perbadanan ataupun anak-anak syarikat FELDA yang diwujudkan selamanya ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, walaupun putangan yang diberikan kepada Tabung Sosio-Ekonomi Peneroka itu nampaknya agak kecil, tetapi saya telah terangkan tadi selain daripada pulangan menerusi Tabung Sosio-Ekonomi peneroka itu, para peneroka juga mendapat pulangan daripada pelaburan yang mereka buat menerusi akaun-akaun peneroka yang terdiri daripada 88.6% equity yang saya katakan tadi. Untuk memberi scenerio ataupun gambaran yang agak jelas lagi, suka saya menyatakan iaitu sehingga 1-1-88, jumlah pelaburan oleh 12 buah perbadanan-perbadanan FELDA ini ialah \$165,450,002. Daripada jumlah tersebut, \$100,422,044 adalah merupakan pelaburan yang dibuat oleh peneroka-peneroka menerusi akaun peneroka yang diuraskan oleh FELDA. Selain daripada itu kedapatan pelaburan berjumlah \$45,543,000 yang dibuat oleh peneroka-peneroka juga menerusi koperasi permodalan FELDA dan setakat ini lebih daripada 35,000 orang peneroka menjadi ahli

kepada KPP (Koperasi Permodalan FELDA) ini, selain daripada 618 koperasi dan badan-badan peneroka yang melahur di dalam perbadanan-perbadanan tersebut. Jad, daripada angka itu, setiap kali perbadanan-perbadanan mengeluarkan dividen semuanya disalurkan kepada akaun peneroka-peneroka itu dan ini akan dikembalikan kepada peneroka-peneroka terutama sekali apabila sampai masa mereka untuk menanam semula, dan juga kegiatan-kegiatan yang lain yang ada hubung-kaitnya dengan para peneroka.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manat bin Ahmad.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Saitan.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Saitan tidak hadir).

BACAAN DOA

9. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Perdana Menteri menyatakan kebelakangan ini didapati setiap Pejabat Kerajaan telah mengadakan perhimpunan bagi menyanyi lagu "SETIA" sebelum menjalankan tugas harian mereka. Menyedari hakikat bahawa Kerajaan sedang melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam, adakah lebih baik selepas menyanyi itu diadakan pula doa yang diselaraskan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri; adakah pihak Kementerian bercadang mengadakan bacaan doa ini seperti dilakukan setiap kali Parlimen dibuka.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bacaan doa memang telah dilaksanakan dalam kebanyakan upacara-upacara rasmi Kerajaan. Buat ketika ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakan bacaan doa selepas menyanyi lagu "NEGARA KU" dan "SETIA" dalam upacara perhimpunan yang diadakan di Pejabat-pejabat Kerajaan. Ini oleh kerana upacara tersebut mempunyai tujuan-tujuan khusus iaitu seperti berikut:

- (i) perhimpunan adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan pegawai dan kakitangan di samping mengukuhkan perpaduan;
- (ii) menyanyi lagu "NEGARA KU" dan "SETIA" adalah bertujuan untuk mengukuhkan semangat pegawai dan kakitangan supaya cintakan negara dan memusatkan kesetiaan kepada Kerajaan.

Walaupun demikian, upacara berdoa sebelum kerja telah pun dilaksanakan di dalam ruangan pejabat di mana yang didapati sesuai.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat tertarik hati dengan soalan yang kesembilan ini kerana nampak hari ini begitu popular usaha menyanyi SETIA ini. Jadi, soalan saya begini sahaja, pertama saya ingin tahu apakah punca-punca yang boleh mencetuskan Kerajaan ingin mengadakan program nyanyian setiap pagi di Pejabat-pejabat dan apakah maksud setia itu, setia kepada negarakah, setia kepada pemimpinkah, setia kepada kerjakah ataupun setia kepada apa? Dan kalau setia pada apa yang saya sebutkan ini, bagaimana pula bagi orang Islam mengikut pegangannya. Yang kedua, adakah Kerajaan, dengan program ini

masih tidak percaya pada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah bertahun-tahun kerja dan setengah itu hampir menunggu pencen tetapi seolah-olah Kerajaan masih tidak percaya orang ini boleh meneruskan kerja-kerja dengan sebab itu diadakan cara yang seperti ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya bilang soalan tadi ada empat, tetapi Yang Berhormat sebut dua. Yang mana satu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada empat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jawab yang dua itu dahulu. (Ketawa)

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, kebiasaan orang membilang tidak silap 1, 2, 3 dan 4, tetapi Yang bilang 1 dan 4; 2, 3 tidak ada. Walau bagaimanapun saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa kalau sekiranya hendak diketahui tentang apakah yang mencetuskan pihak Kerajaan mengadakan upacara-upacara tertentu di pagi hari sebelum daripada bermula pekerjaan di pejabat-pejabat Kerajaan, jawapannya ialah iaitu unsur yang mencetuskan tindakan ini ialah kerana keseriusan Kerajaan dalam menjalan pentadbiran. Saya harap dapat disebut dengan betul. Apabila Kerajaan serius dalam menjalankan pentadbiran maka faktor itulah yang telah menjadikan Kerajaan merancang berbagai-bagai perkara, bukan kerana faktor-faktor yang tertentu yang mungkin biasa diambil kira oleh pihak-pihak yang mempunyai rancangan jangka pendek dalam perancangan mereka. Kerajaan sentiasa mempunyai jangka panjang dan melihat jauh ke hadapan. Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, membilang satu dan empat, jadi saya

tinggalkan dua dan tiga. Saya teruskan menjawab soalan yang keempat, yang pada Yang Berhormat ialah soalan yang kedua. Kerajaan percaya dengan pegawai-pegawainya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, biar dia habis dahulu, Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Berilah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak faham. Dia tidak habis lagi. Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya diizinkan menjawab dua soalan itu, saya ambil soalan yang keempat itu, saya tidak ambil yang kedua dan ke tiga sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat. Soalan yang keempat pada saya, tetapi yang kedua pada Yang Berhormat berkenaan, ialah Kerajaan sebenarnya tidak pernah menyatakan tidak percaya pada pegawai-pegawainya. Kerajaan berkali-kali menyebutkan bahawa Kerajaan percaya pada pegawainya dan kalau sekiranya ada pegawai yang tidak dapat menjalankan tanggungjawab maka Kerajaan akan mengambil tindakan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, menyedari akan keseriusan ataupun 'keseriohan' pihak Kerajaan untuk melaksanakan program menyuruh pegawai-pegawai menyanyi Setia ini sudah tentulah dengan keadaan yang serius di pihak Kerajaan ia mempunyai rancangan untuk menentukan dan menilai akan kejayaan rancangan program ini. Adakah Kerajaan mempunyai satu cara sama ada sekarang ataupun masa

akan datang untuk menilai secara objektif akan kejayaan program ini dari segi statistik dan sebagainya. Macam di sekolah kita tahulah, di sekolah kalau kita suruh budak menyanyi memang harapan kita di akhirnya tahun itu budak akan bertambah lebih baik. Tetapi di kalangan pegawai-pegawai dan rakyat jelata adakah Kerajaan mempunyai rancangan memandangkan keseriusan itu untuk menentukan supaya satu sukatan terperinci dibuat untuk menjamin kejayaan program yang dirancangan?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, semalam iaitu 10 hb Mac, jam 10.00 pagi satu mesyuarat telah diadakan dengan pegawai-pegawai kanan pentadbiran Kerajaan negara ini dan di antara tujuan perjumpaan itu ialah untuk mengatur cara-cara bagaimana hendak membuat penilaian-penilaian bagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Apabila cara penilaian itu dikemukakan nanti maka saya akan kaji dan teliti dan kalau sekiranya cara penilaian itu tidak memuaskan, kita akan mencari jalan yang lain untuk memastikan bahawa rancangan ini berjaya pada masa akan datang.

KEMPEN ANTI MINYAK KELAPA SAWIT

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perusahaan Utama memberikan butir-butir tentang usaha-usaha penyelidikan sedunia yang dibuat oleh Malaysia mengenai minyak sawit untuk menangkis kempen Persatuan Kacang Soya Amerika untuk memburukkan minyak sawit Malaysia dan cadangan perbelanjaan yang terlibat. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh sektor awam dan golongan sektor swasta yang berminat dalam melindungi masa depan minyak sawit

untuk menubuhkan satu tabung bersama bagi komoditi yang bertujuan untuk membantu memasar dan kempen galakan bagi minyak sawit.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (i) sejauh manakah benarnya Persatuan Kacang Soya Amerika (ASA) telah mengedarkan kempennya menentang penjualan minyak kelapa sawit;
- (ii) adakah Kementerian akan menjalankan kempen-kempen promosi. Kalau ada apakah tindakan dan perancangan yang telah dan akan dilaksanakan; dan
- (iii) bilakah tabung promosi yang ditaja oleh Kementerian dengan kerjasama pihak industri kelapa sawit akan ditubuhkan dan berapa banyakkah wang yang telah dikutip setakat ini. untuk tabung tersebut.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kedua-dua soalan yang dikemukakan untuk dijawab mulut pada hari ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Ahli Yang Berhormat dari Marang di soalan 34 adalah mengenai kempen anti minyak kelapa sawit dan langkah-langkah untuk menangkisnya, saya mohon izin untuk menjawab soalan-soalan yang berkenaan secara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Persatuan Kacang Soya Amerika (ASA) pelum menampakkan telah mengendurkan kempen anti minyak kelapa sawitnya dan oleh itu Kementerian Perusahaan Utama bersama-sama dengan sektor swasta terus mengambil berbagai langkah mengikut strategi yang ditetapkan untuk membanteras kempen itu.

Usaha-usaha dalam bidang penyelidikan untuk menjelas dan mengesahkan kesan-kesan positif pemakanan minyak kelapa sawit ke atas kesihatan merupakan suatu usaha penting. Ke arah itu PORIM sedang membiayai sejumlah 19 projek penyelidikan di beberapa buah negara dalam bidang yang berkenaan dengan tujuan mengesahkan penemuan-penemuan awal di samping memperkembangkan maklumat mengenai siasatan beberapa komponen kecil seperti kandungan Vitamin A dan Vitamin E, Taburan projek-projek itu adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Jumlah Projek</i>
Amerika Syarikat ..	5
Canada	1
Belanda/Holland ..	2
Australia	1
Pakistan	1
India	1
Republik Korea ..	1
Malaysia	7
JUMLAH ..	19

Jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk projek-projek ini dianggarkan kira-kira \$7.3 juta dalam tempoh dua tahun.

Selain dari projek-projek penyelidikan ini strategi dan langkah-langkah untuk memajukan pasaran untuk minyak kelapa sawit Malaysia telah disentuh semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya pada 8 hb Mac, 1988.

Dalam kontek ini Kementerian Perusahaan Utama kini sedang merancang satu misi teknikal perdagangan minyak kelapa sawit untuk melawat Pakistan, Turkey, Mesir, dan Arab Saudi untuk meneroka dan memajukan pasaran

minyak kelapa sawit Malaysia di negara-negara yang berkenaan.

Mengenai tabung galakan pasaran minyak kelapa sawit, Kementerian Perusahaan Utama telahpun merundingkan syor untuk menubuhkan tabung itu dengan wakil-wakil perusahaan kelapa sawit dan sehingga ini sebahagian besar dari mereka telahpun menyuarakan sokongan dan bersetuju untuk menyumbang kepada tabung itu setelah ianya ditubuhkan nanti.

Sementara itu Kementerian Perusahaan Utama sedang mengkaji persediaan dari segi perundangan yang diperlukan untuk penubuhan tabung itu. Aspek ini perlu diberi perhatian teliti oleh kerana pihak Kerajaan melalui PORLA diharapkan akan dapat turut memberi sumbangan kepada tabung itu di samping menggunakan jenteranya untuk mengutip sumbangan dari pihak perusahaan. Setelah perkara-perkara ini selesai dikaji syor yang dirumuskan akan ditimbang oleh Kerajaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sejak kempen yang telah dilancarkan untuk menangkis kempen kacang soya Amerika ini dan memandangkan kepada beberapa usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan termasuk lawatan Yang Berhormat Menteri ke beberapa negara di luar negeri baru-baru ini bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu apakah hasil yang positif yang boleh ataupun yang telah diperolehi oleh Kementerian yang berkenaan di dalam kempen anti kacang soya Amerika ini.

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, kempen anti minyak kelapa sawit yang dijalankan oleh ASA atau Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat adalah dijalankan di negara Amerika Syarikat. Saya telah

melawat beberapa negara setahun kebelakangan bukan hanya untuk melawan dengan kempen yang dijalankan oleh ASA. Dalam bulan Jun tahun yang lepas saya telah pergi ke Amerika Syarikat untuk berbincang perkara ini dengan pentadbiran Reagan di Bukit Capitol (Capitol Hill) dan berbincang dengan beberapa ahli Kongres dan ahli Senat yang akan membawa satu Rang Undang-undang ke Kongres untuk melebelkan minyak kelapa sawit sebagai suatu minyak tropika dan minyak saturated fat, dengan izin.

Dengan kita menjalankan penjelasan, diadakan dua hearing di Congress di mana kita telah menghantar wakil dari PORIM untuk menjelaskan kepada pihak berkenaan mengenai kedudukan minyak kelapasawit sebagai suatu makanan yang sihat dan dengan penjelasan itu Jawatankuasa di Congress yang menjalankan hearing itu pun tidak buat apa-apa keputusan.

Akhirnya pada bulan September, 1987 di mana ada suatu Jawatankuasa Senate yang menjalankan pemeriksaan atas satu undang-undang untuk melabelkan minyak kelapasawit sebagai suatu minyak tropika iaitu minyak saturated fat. Dalam Jawatankuasa itu Pentadbiran Amerika Syarikat iaitu Pentadbiran Ronald Reagan melalui Encik Clayton Yoitor, United States Trade Representative (USTR) telah menulis surat kepada Jawatankuasa itu sendiri membangkitkan bantahan oleh Pentadbiran Amerika Syarikat atas cadangan untuk melabelkan minyak kelapasawit sebagai minyak saturated fat. Dengan surat itu Jawatankuasa itu telah membuat keputusan dengan 10 lawan 8 yang mana mereka telah membuang cadangan untuk melabelkan minyak kelapasawit sebagai suatu minyak saturated fat.

Dengan itu kita telah melantik suatu firma iaitu Hill and Knowlton untuk

menjalankan beberapa penjelasan di negara Amerika Syarikat atas kebaikan minyak kelapa sawit sebagai suatu makanan yang sihat dan mereka pun menjalankan tugasnya dengan kontrak kepada PORLA. Pada masa sekarang kempen anti-minyak kelapa sawit yang dijalankan oleh ASA sudahpun berhenti sedikit dan tidak berjalan dengan hebat lagi, tetapi kita hendaklah sentiasa berwaspada di mana mereka akan menjalankan kempen itu dan kita sedang memonitor keadaan di Amerika Syarikat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa kemungkinan kita telah mewujudkan suatu "hantu" sendiri, kemudian kita lemparkan "hantu" itu. Ertinya kemungkinan juga ada cetusan perkara ini, keadaan anti-minyak kelapa sawit kempen ini mungkin datangnya daripada kita sendiri, sama ada menghasut orang lain ataupun golongan dari dalam pergi ke luar dan mengancam negara kita sendiri dan oleh kerana itu akhirnya yang menyuruh, mendesak negara-negara lain menjalankan kempen anti-minyak kelapa sawit. Jadi sudahkah pihak Kementerian berkenaan menyelidiki kemungkinan berlakunya perkara ini akibat tercetus begitu hebat aktiviti atau kempen anti-minyak kelapa sawit Malaysia ini?

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mendengar perkataan "hantu", saya ingat "hantu" tidak boleh nampak, tetapi kempen anti-minyak kelapa sawit ini boleh nampak. Saya ingat itu bukan hantu

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ini hantu yang boleh nampak!

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Boleh nampak. Saya ingat "hantu" tak boleh nampak, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dengan itu saya mahu menjelaskan bahawa kempen anti-minyak kelapa sawit adalah benar dan kita mestilah sentiasa menjaga atau menentang kempen yang dijalankan oleh pihak ASA dan janganlah merendah-rendahkan kempen itu - bukan ISA, ASA. (*Ketawa*) Saya ulangi, kempen oleh pihak ASA.

Jadi, saya sukalah menjelaskan di sini apa yang telah dijalankan oleh pihak ASA atau Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat ialah untuk memburuk-burukkan nama minyak kelapa sawit, bukan hanya untuk pengguna di Amerika sahaja. Mereka sebenarnya mahu menyuarakan kempen itu ke seluruh dunia, yang mana pasaran minyak dan lemak di seluruh dunia telah diambilalih oleh minyak kelapa sawit sejak tempoh 20 tahun kebelakangan. Kedudukan minyak kacang soya dalam 20 tahun itu telah menurun dan Persatuan Minyak Kacang Soya itu telah mengetahui berkenaan kedudukan ini dan mereka ingin menggunakan cara yang tidak sihat, cara yang tidak betul, untuk menakut-nakutkan pengguna minyak kelapa sawit dan jika kita tidak jaga baik-baik dan tidak lawan dengan sekuat-kuatnya, barangkali "hantu" itu boleh dilihat, Tuan Yang di-Pertua.

EKUITI ASING DALAM PROJEK PERKILANGAN

11. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan asing yang dilaburkan di Malaysia bagi tempoh 1 hb Februari, 1987 hingga 31hb. Januari, 1988, sama ada terdapat apa-apa penurunan dalam pelaburan asing berbanding dengan tempoh 1 hb Februari, 1986 hingga 31hb Januari, 1987; jika ya, beri sebab-sebab berlakunya penurunan ini.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, jumlah ekuiti asing yang dicadangkan dalam projek-projek perkilangan bagi tempoh 1 hb Februari, 1987 hingga 31hb Januari 1988 adalah sebanyak \$808.6 juta.

Berbanding dengan tempoh 1 hb Februari 1986 hingga 31hb Januari 1987 yang mempunyai cadangan ekuiti asing sebanyak \$523.0 juta ekuiti asing bagi tempoh 1 hb Februari 1987 hingga 31hb Januari 1988 adalah merupakan kenaikan sebanyak 54.6%.

BEKALAN ELEKTRIK DI SABAH—PERUNTUKAN

12. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menambahkan "ceiling Peruntukan" bagi pelaksanaan projek bekalan tenaga elektrik di Sabah pada tahun 1988 sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan ketika menjawab soalan saya pada 20-11-1987. Kalau belum, bila. Kalau sudah, bilakah projek yang telahpun diluluskan itu (seperti bekalan tenaga elektrik di Kampung Guar, Kota Belud) boleh mula dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun menambahkan 'ceiling' peruntukan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar bagi negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini sebanyak \$10.56 juta. Ini menjadikan peruntukan keseluruhan program bekalan elektrik luar bandar negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima ialah sebanyak \$25.56 juta. Pada tahun 1988 ini peruntukan yang telah disediakan untuk melaksanakan projek-projek bekalan elektrik luar

bandar negeri Sabah ialah sebanyak \$3.58 juta.

Oleh kerana peruntukan yang disediakan adalah terhad dan pemilihan dan penentuan projek dibuat oleh Kerajaan Negeri, jadi Kementerian sedang menunggu projek yang akan dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan pada tahun ini.

Justeru itu, Kementerian ini tidak dapat memberikan kepastian bilakah projek bekalan elektrik Kampung Guar, Kota Belud dapat dilaksanakan sehingga cadangan berkenaan diperolehi. Walau bagaimanapun, projek itu telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

AGENSI PENGEMBARAAN DAN PELANCONGAN

13. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan berapakah agensi-agensi perkhidmatan pengembaraan dan pelancongan yang didaftar oleh TDC di seluruh negara dan di setiap negeri. Dan berapakah daripada agensi-agensi tersebut yang didapati melanggar peraturan-peraturan di bawah "Tour Operating Business and Travel Agency Business Regulation 1987" dan sama ada Kementerian beliau menimbangkan untuk membekukan lesen agensi-agensi tersebut.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, setakat 31hb Disember tahun lepas, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Negara telah meluluskan sebanyak 845 permohonan pendaftaran bagi menjalankan perniagaan kendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan. 732 permohonan adalah bagi Ibu Pejabat dan 113 bagi pejabat-pejabat cawangan.

Pecahan seperti yang dikehendaki adalah seperti berikut:

Perlis	3
Kedah	40
Pulau Pinang	135
Perak	53
Wilayah Persekutuan/ Kuala Lumpur	376
Selangor	58
Negeri Sembilan ..	13
Melaka	25
Johor	88
Pahang	21
Terengganu	10
Kelantan	13
Wilayah Persekutuan Labuan	2
Sabah	7
Sarawak	1

Berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang dibuat, sebenarnya bermacam-macam dan jumlahnya 301. Ini boleh dibahagikan kepada lima kumpulan kesalahan:

- (1) kesalahan tidak mengemukakan permohonan pembaharuan semula dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (2) tidak mengemukakan permohonan baru pendaftaran;
- (3) pindah pejabat tanpa memberitahu Perbadanan dan pindah tanpa kelulusan;
- (4) mengeluarkan iklan tanpa memasukkan nombor pendaftaran dan alamat penuh; dan
- (5) tidak mempamerkan sijil perakuan pendaftaran di premise perniagaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu sehingga 31hb Disember tahun lepas Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia

telah mengambil tindakan Mahkamah terhadap 71 buah syarikat kerana tidak berdaftar dengan perbadanan. Kerajaan tidak bercadang untuk membekukan lesen-lesen agensi pelancongan dan akan terus memberi pertimbangan kepada pemohon-pemohon, terutama mereka yang ingin menjalankan perniagaan pelancongan dalam negeri dengan syarat pemohon-pemohon tersebut mempunyai kemampuan dari segi kewangan, dari segi pengalaman dan juga mempunyai program-program tertentu untuk membawa para pelancong ke negara kita ini.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi menyebut berkenaan dengan perkhidmatan pengembaraan yang berdaftar di seluruh negara untuk tiap-tiap negeri. Saya harap Yang Berhormat dapat memaklumkan daripada jumlah 845 agensi perkhidmatan ini, berapakah di antaranya yang mengendalikan perkhidmatan ini untuk pengembaraan ke luar daripada negara ini. Maksud saya, membawa pelancong-pelancong dari sini untuk ke luar seperti ke Eropah dan tempat-tempat lain.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang kebanyakannya boleh menjalankan perniagaan di dalam negeri dan juga di luar negeri. Soalan sama ada mereka membawa pelancong-pelancong ke luar negeri atau dalam negeri, itu terpulang kepada keupayaan syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memberi insentif kepada agensi-agensi pelancongan ataupun syarikat-syarikat pelancongan dalam negeri yang dapat membawa seberapa banyak pelancong

daripada luar negeri datang ke negara kita ini.

Uato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sekarang ini insentif pun sudah ada bagi mereka yang boleh membawa pelancong-pelancong lebih dari 500 setahun. Dalam pada itu, untuk membenarkan insentif yang lebih lagi, bolehlah kita fikirkan supaya lebih banyak lagi syarikat-syarikat ini membawa pelancong-pelancong dari luar.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 7, 8 dan 14 hingga 43 adalah diberi di bawah ini).

PERKHIDMATAN LUTH KEPADA JEMAAH HAJI

5. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan adakah LUTH bercadang menerima saranan daripada Prof. Diraja Ungku Aziz mengenai perkhidmatan LUTH kepada Jemaah Haji dengan memberi khidmat pintu ke pintu (door to door service). Kalau ya, bita. Kalau tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tabung Haji sedang meneliti saranan daripada Prof. Diraja Ungku Aziz mengenai perkhidmatan kepada jemaah haji dengan memberi khidmat pintu ke pintu (door to door service).

Tinjauan seterusnya akan dibuat meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Setakat mana perkhidmatan pintu ke pintu di perlukan oleh jemaah haji kerana lazimnya Jemaah Haji lebih suka dihantar dan diambil dari lapanganterbang oleh kaum keluarga dan jiran.

- (ii) Tinjauan atas kakitangan yang diperlukan untuk mengendali perkhidmatan ini perlu juga dibuat kerana ramai kakitangan Tabung Haji sedang bertugas di Tanah Suci pada masa Jemaah Haji bertolak/balik dari Tanah Suci; dan

- (iii) Kemudahan logistik pengangkutan yang ada dan diperlukan untuk mengendalikan perkhidmatan ini yang diperlukan oleh Tabung Haji.

PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

7. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menyusun semula, agensi-agensi Kerajaan kita di luar negeri dan diletakkan di bawah satu pentadbiran. Apakah bentuk penyelarasan yang dirancangan itu, Adakah tugas-tugas tertentu yang selama ini dijalankan oleh agensi berkenaan diambil alih oleh kedutaan kita.

Dato' Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor: Kerajaan telahpun memutuskan supaya Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri diuruskan dengan pendekatan secara bersepadu yang akan mewujudkan satu sistem pengurusan yang kemas, teratur dan lebih berkesan serta mengoptimalkan penggunaan kemudahan pejabat dan tenaga manusia. Melalui kaedah pengurusan sedemikian Pejabat-pejabat Perwakilan kita akan digerakkan secara kolektif di bawah penyelarasan Ketua Perwakilan yang ditauliahkan bagi mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan.

Susunan baru ini tidak bermakna pelaksanaan tugas-tugas tertentu dan khusus yang selama ini dijalankan oleh

pegawai-pegawai daripada agensi-agensi tertentu akan diambil alih oleh Pejabat Perwakilan. Apa yang akan ditentukan melalui pengurusan Pejabat-pejabat Perwakilan berdasarkan konsep organisasi bersepadu ialah menetapkan peranan pegawai-pegawai tersebut serta menyelaraskan pengendalian fungsi, program dan aktiviti secara bersepadu di sesebuah Pejabat Perwakilan agar tidak timbul konflik pertindihan sesamanya.

PASARAN TIMAH—HARGA

8. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perusahaan Utama menerangkan kedudukan Perusahaan Timah Negara sejak berlakunya tragedi kejatuhan harga timah pada bulan Oktober, 1985. Apakah rancangan-rancangan Kementerian agar perusahaan ini dapat dipulihkan kembali.

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Sejak berlakunya krisis pasaran timah pada penghujung bulan Oktober 1985, perusahaan timah negara telah mengalami kemerosotan dari segi pendapatan eksport, pengeluaran serta bilangan pekerja. Walau bagaimanapun, keadaan ini mulai pulih semula pada tahun 1987 akibat perkembangan yang berlaku di dalam bekalan timah di mana lebih timah telah dapat disusutkan. Ini telah memperbaiki harga timah daripada kira-kira \$15.50 sen skg. pada awal tahun 1986 kepada kira-kira \$17.50 sen skg. pada penghujung 1987.

Pengeluaran timah negara pada tahun 1987 berjumlah 30,388 tonne berbanding dengan 29,134 tonne pada tahun 1986. Pada masa yang sama, bilangan lombong yang beroperasi pada penghujung tahun 1987 berjumlah 221 buah berbanding dengan 197 buah pada akhir Disember 1986. Bilangan pekerja lombong ialah

10,964 orang pada akhir 1987 berbanding dengan 11,797 orang pada tahun 1986. Walaupun terdapat penambahan bilangan lombong yang beroperasi, namun bilangan pekerja adalah berkurangan sedikit disebabkan daripada penutupan lombong bawah tanah di Sungai Lembing serta 2 buah lombong kapalkorek di Pahang dan Johor. Nilai eksport timah bagi tahun 1987 telah meningkat kepada \$838.8 juta iaitu peningkatan sebanyak 29.1% berbanding dengan \$649.6 juta pada tahun 1986.

Kerajaan telah metaksanakan Skim Pinjaman Mudah sejak pertengahan tahun 1986 untuk membantu memulihkan serta mengekalkan kedudukan perusahaan timah negara kita. Menerusi skim ini para pelombong yang layak boleh mendapatkan pinjaman dengan syarat-syarat yang longgar daripada bank-bank yang menyertainya. Sejumlah \$70 juta telah diperuntukkan bagi membiayai skim tersebut. Sementara itu, kadar tarif elektrik bagi perlombongan telah dikurangkan sebanyak 14-17% dari bulan September 1985 dan Mac 1986, manakala 15% lagi dikurangkan pada bulan Julai 1986. Harga minyak diesel juga diturunkan sebanyak kira-kira 20% pada bulan April 1986.

Pihak Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Kementerian saya untuk menimbang dan memperakukan langkah-langkah luar jangka yang boleh diambil bagi membantu perusahaan timah menghadapi masalah pasaran. Bagi mempertingkatkan lagi pasaran timah, Kerajaan telah melancarkan pasaran hadapan timah di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) mulai 27 Oktober 1987. Bagi mengatasi masalah pekerja lombong, Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju memberi kerjasama dalam melanjutkan tempoh pajakan lombong, menggalakkan aktiviti

pertanian di atas tanah-tanah perlombongan, khususnya dengan tanaman kontan, memesatkan aktiviti pembinaan terutamanya pembinaan rumah kos rendah dan pembinaan lebuhraya bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada para pekerja lombong yang diberhentikan akibat penutupan lombong. Langkah-langkah ini juga telah dipertimbangkan dan sebahagian daripadanya telah diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Kemelesetan ekonomi negara. Walaupun Jawatankuasa kabinet ini ditubuhkan untuk menimbangkan langkah-langkah secara menyeluruh, namun perusahaan timah telah juga diberi perhatian sewajarnya. Dalam menghadapi masalah negara ini, kerjasama erat di antara kedua-duanya, Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri sangatlah diperlukan.

Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia telah bekerjasama dengan negara-negara anggota Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (AIPC) di dalam melaksanakan skim merasionalisasikan bekalan timah mulai 1 Mac 1987. Melalui skim ini lebihan stok timah telah dapat disusutkan pada kadar 2,000 tonne sebulan. Lebihan timah di dalam pasaran telah disusutkan kepada 52,600 tonne/pada penghujung 1987 berbanding dengan 80,000 tonne pada penghujung 1986. Skim ini telah diteruskan buat tempoh satu tahun lagi sehingga 28 Februari 1989.

SIARAN RANCANGAN RTM DAN TV3

14. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masa siaran bagi sesuatu rancangan yang menarik di antara RTM dan TV3 umpamanya Drama dan lain-lain dibuat serentak

menyebabkan penonton-penonton tidak puashati; jika ya, adakah sebarang koordinasi dibuat antara pihak yang berkenaan supaya susunan rancangan ini diubah masanya.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Pertindihan waktu siaran rancangan terutamanya rancangan-rancangan yang menarik oleh tain-lain stesyen dalam sesebuah negara, adalah perkara biasa. Ini ialah kerana masing-masing stesyen mahu merebut penonton-penonton yang paling ramai dan mahu mendapatkan 'rating' yang paling tinggi. Ini akan menarik hati para penaja dan pembeli-pembeli ruang iklan.

RTM juga berusaha untuk menyiarkan rancangan-rancangan menarik pada waktu yang sesuai untuk masyarakat bandar dan luar bandar. Ini telah kita lakukan sejak 25 tahun yang lalu. Pertindihan ini berlaku sejak TV3 ujud dan hal ini sedang dirundingkan dengan pihak syarikat berkenaan untuk kepentingan penonton.

KORIDOR PERINDUSTRIAN

15. Tuan Muhammad bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan iaitu adakah Kerajaan bercadang untuk meluaskan Koridor Perindustrian di bawah Dasar Perindustrian Negara ke negeri-negeri di Pantai Timur Malaysia Barat. Kalau bercadang bila akan dilaksanakan dan kalau tidak, mengapa.

Dato' Kok Wee Kiat: Konsep Koridor Perindustrian sebagaimana yang disyorkan oleh Pelan Induk Perindustrian bagi tempoh 1986-1995 adalah meliputi bukan saja kawasan-kawasan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia tetapi juga kawasan di negeri-negeri Pantai Timur. Kawasan di Pantai Timur yang merangkumi kawasan-kawasan dari Kota Bharu

sehingga Kuantan. Ini memandangkan bahawa kawasan-kawasan tersebut sudahpun mempunyai kemudahan-kemudahan asas di samping menjadi pusat-pusat kegiatan ekonomi yang boleh menarik lebih banyak aktiviti-aktiviti perindustrian.

PUTERA NORODOM SIHANOUK— PERLETAKAN JAWATAN

16. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kedudukan peranan Malaysia khususnya dan ASEAN amnya di dalam usaha-usaha mendamaikan persengketaan di Kampuchea, selepas perletakkan jawatan Putera Norodom Sihanouk sebagai Presiden Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea. Adakah Malaysia dan ASEAN akan mengakui pimpinan baru, lebih-lebih lagi kalau pengganti Putera Sihanouk datang dari Kumpulan Khmer Rouge. Dan apakah Malaysia dan ASEAN akan mendeda utamakan usaha untuk memujuk khmer Rouge meletakkan senjata selepas penyelesaian politik nanti.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Berikutan daripada perletakan jawatannya, Putera Sihanouk baru-baru ini telah menyatakan kesediaannya untuk kembali memegang jawatan sebagai Presiden Demokratik Kampuchea (Kerajaan Campuran DK). Pengumuman ini disamtmt baik oleh Kerajaan Malaysia dan ASEAN oleh kerana Malaysia berpendapat bahawa hanya beliaulah sahaja yang dapat memainkan peranan yang penting dan beliaulah pemimpin yang diterima oleh masyarakat antarabangsa untuk mencari penyelesaian masalah Kampuchea. Dengan pengumuman kesediaan untuk menjawat semula jawatan Presiden bermakna bahawa soal untuk mencari pengganti beliau tidak timbul.

Puak Khmer Rouge adalah menjadi faktor di dalam sesuatu penyelesaian masalah Kampuchea. Soal kekuatan tentera Khmer Rouge memang diambil kira terutamanya apabila dicapai satu penyelesaian nanti di mana satu Kerajaan sementara (Provisional Government of Cambodia) yang baru yang diwakili keempat-empat golongan Khmer diujud. Di bawah Kerajaan ini Putera Sihanouk mencadangkan satu tentera nasional Kampuchea (Combodian National Army) yang terdiri dari tentera keempat-empat golongan Khmer tetapi semuanya dengan kekuatan yang sama. Di samping itu memang ada syor untuk menubuhkan satu pasukan pendamai antarabangsa yang akan membantu Kerajaan sementara itu mengawal keamanan dan keselamatan sambil usaha-usaha menyatupadukan rakyat dan bangsa Khmer dijalankan. Kita berpendirian bahawa masa depan rakyat Khmer ditentukan oleh rakyat dan bangsa Khmer sendiri. Malaysia akan terus menyokong penuh usaha-usaha memulihkan kemerdekaan, kedaulatan dan taraf Kampuchea sebagai negara yang berkecuali.

BANK PUSAT KERJASAMA— KERUGIAN

17. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh Bank Pusat Kerjasama dan juga nyatakan sebab-sebab kerugian itu dan apakah tindakan diambil terhadap orang-orang yang bertanggungjawab untuk kerugian itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Bagi tahun Kewangan 1986, Bank Pusat Kerjasama Berhad (CCB) mengalami kerugian sebanyak \$334.01 juta. Sebahagian besar daripada kerugian ini adalah disebabkan oleh peruntukan yang disediakan bagi faedah

tergantung dan hutang ragu (\$271.8 juta) dan peruntukan penurunan dalam nilai pelaburan (\$39.19 juta).

Sebagaimana yang pernah dijelaskan, Lembaga Pengarah CCB telahpun membuat aduan kepada pihak Polis mengenai kemungkinan berlakunya penyelewengan dalam CCB. Adalah difahamkan penyiasatan yang dijalankan oleh pihak Polis hampir siap. Sekiranya ada bukti-bukti yang nyata, tindakan yang wajar akan diambil terhadap mereka yang didapati melakukan kesalahan.

PEJABAT PENERANGAN DAERAH DI PULAU PINANG

18. Tuan Mohamed Subky bin Abdul Raof minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa pejabat-pejabat Penerangan Daerah Seberang Perai Tengah, di Bukit Mertajam dan Daerah Barat Daya di Balik Pulau, Pulau Pinang adakah tidak sesuai lagi dengan keadaan Pejabat yang ada sekarang memandangkan bertambahnya Pegawai. Oleh itu, adakah pihak Kementerian bercadang membina Pejabat Penerangan yang baru berasingan sepertimana di Daerah-daerah lain, di Semenanjung. Sekiranya ada sila nyatakan lokasinya, jika tidak, mengapa.

Tuan Railey bin Jaffrey: Saya sedar bahawa Pejabat-pejabat Penerangan Daerah Seberang Perai Tengah di Bukit Mertajam dan Daerah Barat Daya di Balik Pulau, Pulau Pinang tidak begitu sesuai lagi dengan keperluan Pejabat dan Pegawai-pegawai yang ada sekarang. Tetapi hal ini juga benar bagi banyak pejabat-pejabat Penerangan Daerah yang lain di seluruh negara.

Pihak Kementerian memang bercadang untuk membina Pejabat-pejabat baru di Daerah-daerah yang

demikian. Tetapi keadaan ekonomi sekarang memerlukan Kerajaan berjimat cermat dan mengurangkan belanja kerana 'deficit' akaun semasa yang besar. Oleh itu Kementerian Penerangan terpaksa menangguhkan pelaksanaan projek-projek membina atau memperbaiki Pejabat-pejabat Daerah itu. Setakat ini hanya peruntukan token sebanyak \$10 yang telah diberikan bagi tahun 1988.

TAHANAN AHLI POLITIK— IMEJ MALAYSIA

19. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri, Luar Negeri menyatakan sama ada imej antarabangsa Malaysia telah dihancurkan dari penahanan beramai-ramai dan akibat dari penahanan ahli politik dan apa reaksi dari negeri-negeri asing.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya suka menafikan dengan sekeras-kerasnya apa juga pandangan yang menyatakan bahawa imej antarabangsa Malaysia telah dihancurkan akibat tindakan Kerajaan menahan beberapa orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun lalu.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa beberapa pihak seperti pihak media-massa serta kumpulan-kumpulan tertentu di luar negeri ada melemparkan kritikan-kritikan terhadap Kerajaan bersabit dengan isu ini. Ternyata kritikan-kritikan tersebut berpunca dari sebab bahawa pihak-pihak tersebut tidak mengetahui dengan sebenarnya latarbelakang dan alasan-alasan serta realiti yang wujud di Malaysia yang telah mendorong Kerajaan mengambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri itu ataupun mereka telah membuat penilaian berdasarkan fakta-fakta yang telah diputarbelitkan dari sumber-sumber tertentu. Seterusnya disedari juga memang ada pihak-pihak

yang sengaja tidak mahu memahami dan sengaja memutarbelitkan isu ini untuk kepentingan-kepentingan tertentu.

Bagaimanapun, dengan adanya kritikan-kritikan tersebut, tidak semestilah bermakna bahawa imej negara kita telah dihancurkan. Perlu diingat bahawa pihak-pihak tertentu seperti di atas juga meneropong kejadian-kejadian dan perkembangan-perkembangan di negara-negara lain dan membuat penilaian dan laporan-laporan mereka untuk kepentingan mereka sendiri dan berdasarkan sumber-sumber tertentu. Malahan ada kalanya, kritikan-kritikan ini dilemparkan juga kepada Kerajaan di negara pengkritik itu sendiri, walaupun mungkin dengan perasaan yang agak berlainan.

Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri telah pun dibekalkan dengan maklumat-maklumat latar dan garis-garis panduan bagi setiap perkembangan dan kritikan-kritikan yang telah muncul berikutan dengan isu ini untuk digunakan' oleh perwakilan-perwakilan kita itu dengan sewajarnya. Adalah jelas bahawa dengan tindakan sedemikian dan kejujuran Kerajaan bahawa apa juga pandangan yang menyatakan bahawa isu ini telah menghancurkan imej negara kita di luar negeri adalah sama sekali tidak benar.

GERAKAN CINTAILAH BAHASA KITA

20. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini apakah keputusan positif yang telah dicapai dalam "Kempen Cintailah Bahasa Kita" yang dilancarkan oleh Perdana Menteri di Hotel Shangrila, Kuala Lumpur, pada 11hb Disember 1987.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, semenjak dilancarkan pada 11 Disember 1987, Gerakan "Cintailah Bahasa Kita" nampaknya telah mendapat liputan, sambutan dan penyertaan yang sangat baik dan menggalakkan. Pihak media elektronik, RTM dan TV3, telah mengadakan program forum khas, selain daripada liputan berita semasa dan hebahan promosi. Pihak akhbar dan penerbitan berkhalat yang lain juga telah memberikan liputan yang luas tentang gerakan ini untuk menyedarkan seluruh masyarakat di semua sektor pengguna tentang kekuatan bahasa kita dan pentingnya Bahasa Kebangsaan digunakan dengan betul dan meluas dalam semua urusan dan kehidupan sehari-hari.

Dalam sektor Kerajaan, Gerakan Cintailah Bahasa Kita sedang giat dilaksanakan dengan penyertaan Jabatan Kerajaan pada peringkat pusat dan negeri-negeri. Ada Jabatan Kerajaan yang sudah membetulkan kesalahan bahasa di tempat mereka. Pihak yang berkesan seperti pihak Kerajaan Tempatan sedang mengambil langkah untuk memperbaiki dan meluas penggunaan Bahasa Malaysia di tempat-tempat awam. Beberapa pihak di sektor swasta pun turut menyertai gerakan ini dengan mengatur acara-acara yang melibatkan pelbagai kaum, kalangan perniagaan, parti politik dan golongan masyarakat.

Dalam bidang pembinaan dan pengembangan aspek-aspek bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan edisi kedua Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, Daftar Ejaan Rumi-Jawi, dan pengkayaan perbendaharaan kata umum dengan kata-kata daripada bahasa sukuan dari Sabah dan Sarawak.

Kesemua perkembangan yang berlaku ini jelas menunjukkan bahawa usaha mendaftarkan Bahasa Kebangsaan melalui program Gerakan

Cintailah bahasa kita mendapat perhatian dan diterima oleh Kerajaan dan masyarakat. Inilah kesan atau kesimpulan awal yang dapat kita rumuskan.

RAKYAT PALESTIN— KEZALIMAN TEL AVIV

21. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan yang dijalankan oleh pihak negara kita Malaysia terhadap kezaliman Tel Aviv terhadap pelarian Palestin sekarang. Apakah bantuan dan sumbangan yang telah diberikan oleh Kerajaan atau badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan kepada pelarian Palestin.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sebagaimana Dewan yang mulia sedia maklum, dasar Malaysia terhadap rakyat Palestin adalah tidak berubah. Malaysia sangatlah bersimpati dengan penderitaan yang dialami oleh pelarian Palestin sekarang. Oleh sebab itulah Malaysia telah mengambil sikap yang aktif di pertubuhan antarabangsa ke arah mencapai penyelesaian. Dalam rangka ini jugalah Malaysia telah memberi bantuan kepada PLO dalam bentuk sokongan moral dan bantuan kebendaan. Sebagaimana Dewan sedia maklum, baru-baru ini Malaysia telah melancarkan Tabung Rakyat Palestin dan derma yang diterima dari rakyat Malaysia amatlah menggalakkan, dan sebahagian daripada derma ini akan disalurkan melalui PLO untuk membantu pelarian Palestin.

Di Lubnan misalnya, pelarian Palestin telah menghadapi tekanan dari berbagai-bagai pihak. Masalah yang dihadapi mereka bukanlah disebabkan dengan kekurangan bantuan, tetapi disebabkan oleh kepongan yang dikenakan terhadap kawasan perkhemahan mereka.

Apabila sekatan ini dihapuskan baru-baru ini masalah kekurangan bantuan tidak lagi timbul.

Kerajaan Malaysia juga tidak menghalang orang-orang perseorangan Malaysia memberi sumbangan tenaga kepada rakyat Palestin sepertimana yang diberi oleh 5 orang sukarelawan perubatan di Lubnan.

KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA-THAI

22. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak kawalan ketat di sempadan Malaysia-Thai, apakah alat-alat merbahaya yang dapat dirampas oleh pegawai-pegawai keselamatan dan berapa banyak alat-alat itu.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad**): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan ketat di sempadan negara kita sememangnya dibuat pada setiap masa. Sejak tahun 1986 sehingga akhir bulan Februari 1988 sejumlah 336 pucuk senjati dan 17 bilah senjata merbahaya telah dirampas di sempadan Malaysia-Thailand.

TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH

23. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) apakah halangan-halangan yang harus diatasi dalam penyelesaian tuntutan Filipina ke atas Sabah; dan
- (ii) sama ada isu tuntutan Sabah telah dibincangkan pada persidangan ASEAN di Manila yang lalu dan apakah keputusan yang telah diperbincangkan.

Toh Muda Dr Abdullah FadzU bin Che Wan: Penyelesaian isu tuntutan Filipina ke atas Sabah melibatkan beberapa proses dalam negeri Filipina, terutamanya proses perundingan. Pentadbiran Aquino telah berusaha ke arah ini, namun inisiatif-inisiatifnya telah menemui jalan buntu, terutamanya yang berpunca dari Bill Senate Filipina yang mengenakan beberapa syarat sebelum tuntutan kedaulatan ke atas Sabah digugurkan.

Malaysia berpendirian bahawa terserahlah kepada Filipina untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah secara 'definitive' dan tanpa syarat, apabila ia telah bersedia untuk berbuat demikian.

Pada Persidangan Kemuncak ASEAN di Manila, Disember 1987, isu tuntutan Pilipina ke atas Sabah tidak dibincangkan kerana ia merupakan isu dua hala.

JALAN SERIAN/TEBAKANG/ MONGKOS—MENGETAR

24. Tuan Lainus anak Andrew Luwak minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) bahawa Jalan Serian/Tebakang/Mongkos dan Jalan Serian/Tabakang/Tebedu telah dibuat masa perjanjian British dahulu dan hingga kini belum diturapkan; bilakah jalan ini akan dibaiki dan diturapkan; dan
- (b) bilakah Jalan Serian/Tebakang/Tebedu akan disambung dan digunakan ke Indonesia.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Buat masa ini Kerajaan belum lagi ada cadangan untuk mengetarkan Jalan Serian/Tebakang/Mongkos. Walau bagaimanapun Kerajaan ada cadangan untuk menaikkan

taraf Jalan Serian/Tebakang/Tebedu. Peruntukan untuk menaikkan taraf jalan itu telah dipohon bagi belanjawan tahun 1989 yang sedang disediakan. Sekiranya peruntukan diluluskan oleh Parlimen akan datang, jalan itu dijangka dapat dimutakan pada tahun 1989.

- (b) Jalan Serian/Tebakang/Tebedu dijangka akan disambungkan ke Sempadan Indonesia pada akhir tahun 1990 apabila peruntukan untuk kerja-kerja menaikkan taraf jalan itu diperolehi.

PELANCONG KE SARAWAK— BILANGAN

25. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan berapakah bilangan pelancong-pelancong yang datang ke Skrang Sarawak bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 dan sama ada Kementerian ini bercadang untuk menyediakan kawasan tersebut sebagai salah satu daripada punca tarikan pelancong ke negara ini memandangkan keindahan dan keaslian tempat ini.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai ketibaan pelawat ke Skrang Sarawak dan begitu juga bagi tempat-tempat lain yang khusus di Malaysia. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jumlah pelawat asing yang datang ke Sarawak bagi tahun 1986 ialah seramai 130,548 orang. Bilangan ini menunjukkan pertambahan sebanyak 15.8% jika dibandingkan dengan seramai 112,768 pelawat pada tahun 1985.

Pasaran-pasaran utama bagi negeri Sarawak pada tahun 1986 adalah Brunei Darussalam (69,281), Singapura (17,596), United Kingdom

(10,466) dan Jepun (4,160). Lain-lain pasaran utama termasuklah Belanda, Amerika Syarikat, Australia dan Taiwan.

Sarawak juga telah menerima pendapatan sebanyak \$71.4 juta dari industri pelancongan pada tahun 1986. Jumlah ini memperlihatkan pertumbuhan sebanyak 19.4% berbanding dengan tahun 1985.

Mengenai cadangan supaya Kementerian menyediakan kawasan tersebut sebagai kawasan tarikan pelancong, Kementerian sememangnya mengambil perhatian mengenai potensi kawasan ini.

INDUSTRI KERETA— MEMULIHKAN

26. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada langkah-langkah diambil oleh Kementeriannya membantu perindustrian kereta motokar yang sekarang bukan hanya menghadapi masalah Pasaran tetapi juta beban pelbagai cukai yang berat. Adakah cadangan Kerajaan memberi segala bantuan kepada PROTON dan EON sahaja membolehkan kereta Proton Saga bersaing habis-habisan dengan lain-lain pengeluaran dan penjual kereta motokar yang akan dijadikan muflis, memandangkan jualan kereta Proton Saga sudah mempengaruhi 64.8% pasaran tahun 1987 meningkat daripada 46.8% dalam tahun 1986.

Dato' Kok Wee Kiat: Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah untuk memulihkan industri kereta. Salah satu langkah tersebut ialah dengan perubahan Pasukan Petugas Industri Pengangkutan Jalan untuk melaksanakan perakuan-perakuan bagi memajukan industri ini seperti yang disyorkan dalam Pelan Induk Perindustrian. Pada masa ini Pasukan Petugas tersebut sedang mengkaji

cadangan menyusun semula struktur cukai terhadap kenderaan-kenderaan bermotor dan langkah-langkah bagi memperkemaskan kawalan import kenderaan pasang siap (CB J) dengan tujuan untuk meningkatkan permintaan kereta tempatan.

Disamping itu Kerajaan juga telah mengumumkan penubuhan Tabung Penyusunan Semula, dengan peruntukan permulaan sebanyak \$500 juta, untuk menawarkan pinjaman kepada industri-industri yang diberi keutamaan supaya menyusun semula operasi mereka. Industri kereta adalah salah satu daripada industri-industri yang telah dikenalpasti untuk menikmati kemudahan ini. Sehubungan dengan ini Kerajaan telah pun menggesa syarikat-syarikat otomotif" yang terjejas supaya mengalihkan aktiviti-aktiviti mereka ke bidang pengeluaran lain seperti pembuatan komponen-komponen kereta dan sebagainya untuk pasaran tempatan dan eksport dengan menawarkan galakan-galakan yang sesuai. Kerajaan sukacita mendapati beberapa buah syarikat telah pun mengambil langkah sedemikian.

KILANG DATUK KRAMAT SMELTING COMPANY

27. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan bahawa operasi kilang Datuk Keramat Smelting Company di Jalan Dato' Keramat, Pulau Pinang adalah selamat alam sekitarnya oleh kerana ianya beroperasi di kawasan kediaman dan komersial yang berdensiti tinggi, dan sama ada terdapat sebarang rancangan untuk memindahkan tapak industri.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Langkah-langkah yang

telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan agar operasi Kilang Datuk Kramat Sm Iting Co. selamat dari segi alam sekitar adalah:

- (i) menghendaki semua cerobong yang melepaskan gas atau benda udara dibina dengan cukup tingginya supaya gas atau benda asing yang dilepaskan akan diserakkan dengan baik dan tidak memberi kesan-kesan buruk kepada kawasan sekitarnya;
- (ii) mengarah pihak kilang supaya memasang loji penapis habuk supaya paras pelepasannya tidak melebihi standard yang ditetapkan di bawah Akta;
- (iii) mengarahkan kilang mematuhi arahan dan mempraktikkan amalan kejuruteraan yang baik untuk mengurangkan gangguan kepada orang ramai yang tinggal berhampiran.

Berkenaan dengan langkah-langkah tersebut, pihak kilang telah mematuhi arahan untuk meninggikan cerobong-cerobong serta membuat pesanan untuk loji penapis habuk yang akan dipasang tidak lama lagi. Walaupun demikian, ianya tidak akan menyelesaikan masalah wasap (atau fumes) yang menjadi masalah. Saya difahamkan bahawa tiada teknologi yang sedia ada untuk menghapuskan masalah wasap itu. Namun demikian, menurut nasihat Jabatan Alam Sekitar, pihak kilang telah menghubungi Pusat Penyelidikan Timah Asia Tenggara (atau SEATRAC) di Ipoh, Perak yang telah sudi menawarkan khidmat seorang pakar Bangsa-bangsa Bersatu untuk membawa kajian ke atas penyelesaian masalah tersebut.

Kilang ini sebenarnya telah dibina dan mula beroperasi sejak tahun 1905 lagi. Pada ketika itu, tidak ada kawasan perumahan atau perdagangan di sekitarnya. Masalah

yang dimaksudkan itu hanya timbul apabila kawasan sekitar mempunyai penduduk serta aktiviti perdagangan yang wujud kemudian. Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar telah menyedarkan pihak kilang dan mencadangkan supaya pihak kilang mencari tempat operasi yang lebih sesuai. Terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberi tapak yang sesuai di mana kilang ini boleh ditempatkan.

RAKYAT PALESTIN— KEGANASAN ISRAEL

28. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk membantu menamatkan keganasan pihak Israel ke atas penduduk-penduduk Palestin, termasuklah meminta jasa baik Amerika Syarikat supaya melakukan tekanan ke atas pihak Israel agar memberhentikan tindakan tidak berperikemanusiaan itu.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kerajaan Malaysia amat memandang berat di atas keganasan serta tindakan-tindakan tidak berperikemanusiaan yang terus dilakukan oleh rejim Tel Aviv terhadap rakyat awam Palestin di Tebing Barat Sungai Jordan dan di Semenanjung Gaza. Dalam hubungan ini, Kerajaan Malaysia telah mengambil berbagai-bagai usaha diplomatik yang di antara lainnya termasuklah memberi sokongan penuh kepada beberapa ketetapan yang telah dibuat oleh PBB. Di dalam hal ini, Malaysia telah menyokong ketetapan PBB No. 605 pada 22 Disember, 1987, No. 607 pada 5 Januari, 1988 dan juga ketetapan No. 608 pada 14 Januari, 1988 yang pada umumnya mengutuk tindakan zalim rejim Tel Aviv ke atas penduduk-penduduk awam Palestin dalam usaha

mereka bagi mengawal rusuhan tersebut, dan menggesa kuat rejim tersebut supaya mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan antarabangsa yang berkaitan, sebagaimana yang terkandung di dalam Perjanjian Geneva 12 Ogos, 1949.

Kerajaan Malaysia juga sentiasa mengulangi pendiriannya yang menyokong penuh ke atas cadangan mengadakan Persidangan antarabangsa mengenai perdamaian Asia Barat di semua persidangan antarabangsa yang turut membincangkan soal Palestin. Pada pandangan kita, inilah sahaja cara yang paling baik untuk mencapai satu penyelesaian yang adil dan berkekalan terhadap konflik di Timor Tengah itu. Pendirian kita ini adalah diketahui oleh masyarakat antarabangsa termasuk Amerika Syarikat. Malaysia juga telah pun menggesa Kerajaan Amerika Syarikat untuk mengenakan tekanan-tekanan yang sewajarnya ke atas pihak Israel untuk menghentikan tindakan tidak berperikemanusiaan itu, iaitu melalui persidangan-persidangan antarabangsa dan di dalam perbincangan-perbincangan dua hala di antara kedua-dua buah negara.

TAHANAN ISA

29. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan bahawa tindakan ISA secara borong terhadap 106 orang mulai 27 Oktober 1987 bukan kerana suasana tegang yang berpunca dari masalah perkauman, tetapi untuk membuka jalan bagi membatalkan perhimpunan 1 November yang antara tujuannya untuk menjatuhkan Perdana Menteri.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan tahanan pencegahan di bawah Akta

Keselamatan Dalam Negeri, 1960 adalah semata-mata berdasarkan kegiatan seseorang yang memudaratkan keselamatan negara, bukan kerana sebab-sebab lain.

MEMANSUH PERUNTUKAN SEKSYEN 9A (I) (C) AKTA PERTUBUHAN

30. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan article seksyen 9A (I) (C) dalam Akta Pertubuhan merupakan suatu perkara yang sangat tidak adil. Maka sama ada Kerajaan akan memansuh article ini, jika tidak mengapa.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Peruntukan seksyen 9A(I)(C) adalah bertujuan untuk menjamin sesebuah pertubuhan itu bebas daripada pengaruh orang-orang yang telah menjalankan kegiatan yang memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam. Oleh itu setakat ini Kerajaan tidak bercadang memansuhkan peruntukan tersebut.

TUNTUTAN WARIS SULTAN SULU ATAS SABAH

31. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar satu pengakuan oleh Sultan Sulu Jamatul Kirim III bahawa pada tahun 1986, baginda telah ditawarkan sebanyak 87 juta pound oleh seorang yang mengaku dirinya dihantar oleh Kerajaan Malaysia sebagai balasan supaya baginda menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dan juga memberitahu Dewan yang mulia ini apakah langkah-langkah kemaskini yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia terhadap tuntutan-tuntutan luar ke atas Sabah memandangkan akan perkembangan baru di negara Filipina.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Malaysia berpegang kepada pendirian bahawa tuntutan kedaulatan ke atas Sabah oleh Filipina dan tuntutan hak milik ke atas Sabah oleh waris-waris Sultan Sulu adalah berasingan. Dakwaan yang menyebut bahawa Malaysia telah menawarkan wang kepada seorang waris Suttan Sulu bagi menyelesaikan isu tuntutan ke atas Sabah adalah tidak benar.

Malaysia sedia menimbang penyelesaian isu tuntutan hak milik ini dengan cara yang memuakan kedua-dua belah pihak, apabila isu tuntutan kedaulatan ke atas Sabah diselesaikan.

Malaysia sedia berbincang dengan waris-waris Sultan Sulu mengenai tuntutan hak milik ini, apabila isu tuntutan kedaulatan ke atas Sabah diselesaikan.

SIARAN BERITA DARI SABAH/SARAWAK DI RTM

32. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa RTM kurang memberi perhatian ke atas berita-berita dan peristiwa yang berlaku di Sabah sekalipun berita atau peristiwa itu dianggap penting dan perlu disiarkan melalui Radio dan TV. Adakah Menteri juga sedar berita dan peristiwa serupa itu hanya disiarkan satu atau dua hari berikutnya. Apakah langkah dan tindakan yang akan pihak RTM ambil untuk mengatasi masalah ini supaya rancangan dan program RTM benar-benar mencerminkan satu liputan yang menyeluruh dan bukan menitik beratkan sesuatu kawasan sahaja.

Tuan Railey bin Jaffrey: Kementerian Penerangan tidak pernah memberikan perhatian yang kurang kepada mana-mana negeri dalam persekutuan mengenai soal-soal

mendapatkan bahan-bahan Berita untuk TV atau Radio. Semua berita-berita penting dan menarik tidak kira di mana ia berlaku akan sedapat yang boleh dimuatkan dalam Berita Nasional. Wilayah atau lain-lain liputan. Ini termasuklah berita-berita menarik dari Sabah.

Tentang kelewatan penyiaran berita dari Sabah atau Sarawak, sekali lagi RTM tidak pernah melengahkan sesuatu berita kerana harga berita terletak pada kesemasaan atau "currency"-nya. Tetapi pita-pita atau filem dari Sabah dan Sarawak perlulah diterbangkan ke Kuala Lumpur. Amatlah mahal jika semua berita mahu dihantar melalui satelit ke Kuala Lumpur kemudian dipancarkan semula ke Sabah dan Sarawak. Ini yang boleh menimbulkan sedikit kelewatan dan perkara ini sedang diselesaikan dengan menguruskan penerbangan yang lebih awat ke Kuala Lumpur bagi pita-pita dan rakaman untuk TV dan Radio dari Sabah dan Sarawak.

TAHANAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—TUDUHAN

33. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah orang-orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di berbagai-bagai kem tahanan di seluruh negara; nyatakan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap mereka. Bolehkah Menteri berkenaan menyatakan mengapa hak para orang tahanan itu disekat misalnya mereka tidak dibenarkan menerima atau menghantar kad-kad perayaan Tahun Baru Cina yang direka khas; nyatakan undang-undang manakah yang memberikan beliau kuasa untuk menyekat hak-hak mereka.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Pada masa ini jumlah orang-orang yang masih ditahan di

bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 ialah seramai 85 orang. Seramai 80 orang daripadanya ditahan di tempat Tahanan Pertindungan Kemunting, Taiping dan 5 orang di Pusat Tahanan Polis Mukim Batu, Kuala Lumpur. Mereka ditahan kerana menjalankan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut Peraturan-peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Orang Tahanan) 1960, orang-orang yang dikenakan Perintah Tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 adalah dibenarkan menerima atau menghantar surat atau kad perayaan, tetapi penguasa Tempat Tahanan diberi kuasa untuk menahan mana-mana surat atau kad perayaan yang didapati tidak sesuai. Setakat ini cuma satu kad perayaan yang direka khas telah ditahan oleh Penguasa kerana mengandungi tulisan dan kata-kata yang didapati tidak sesuai.

(Soalan No. 34. Sila lihat jawapan No. 10).

PERKHIDMATAN TELEPON MULTI ACCESS RADIO SUBSCRIBER

35. Tuan S. S. Subramaniam minta menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah "Multi Access Radio Subscriber System" (MARS) akan dimulakan perkhidmatannya di kawasan-kawasan luar bandar.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Mdggie anak Irok): Perkhidmatan telefon menggunakan sistem yang dikenali sebagai "Multi Access Radio Subscriber" (MARS), bagi menyediakan perkhidmatan telefon di kawasan terpencil luar bandar telahpun dimulakan semenjak bulan September 1986.

TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH—MENGUGURKAN

36. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan terbaru sekati mengenai perkara Filipina menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah, apakah syarat-syarat yang 'dicadangkan oleh negeri Filipina dan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap tuntutan-tuntutan tersebut; bilakah beliau berharap isu ini akan mencapai penyelesaian dan sama ada kehadiran pelarian-pelarian dan pendatang haram di Sabah akan juga dibawa untuk berunding apabila isu ini dibincang; jika tidak, mengapa.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Usaha-usaha Pentadbiran Aquino untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah setakat ini telah menghadapi jalan buntu disebabkan adanya Bill Senate Filipina yang mahukan Malaysia memenuhi beberapa syarat sebelum tuntutan kedaulatan ke atas Sabah digugurkan. Syarat-syarat tersebut ialah: Malaysia dan Pilipina meratifikasikan Triti Persahabatan dan Kerjasama, serta Triti 'Extradition'; Perjanjian Lintas Sempadan dan Rondaan Sempadan dan lain-lain Perjanjian seperti Perjanjian Perikanan, Buruh dan Perdagangan ditandatangani; dan penyelesaian tuntutan hak milik waris-waris Sultan Sulu secara menyeluruh dan memuaskan seperti yang disahkan secara bertulis oleh Setiausaha Luar Filipina.

Malaysia tidak dapat menerima syarat-syarat tersebut dan telah berkali-kali menyatakan bahawa tuntutan kedaulatan ke atas Sabah oleh Pilipina hendaklah digugurkan secara 'definitive' tanpa apa-apa syarat. Apabila telah sah bahawa Filipina telah berbuat demikian, Malaysia sedia menjalin hubungan dua hala yang substantif menerusi beberapa perjanjian dua hala, yang mana akan juga mengambil kira isu

dan masalah pelarian dan pendatang haram Filipina di Sabah.

Malaysia telah mengambil pendirian bahawa terserahlah kepada Filipina untuk menggugurkan tuntutan kedaulatan ke atas Sabah secara 'definitive' dan tanpa syarat, apabila ia telah bersedia untuk berbuat demikian.

LAWATAN RAKYAT MALAYSIA KE CHINA—KEBENARAN

37. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapakah masih lagi syarat terhadap digunakan di atas lawatan ke negara China, bila negara-negara jiran membenarkan ke lawatan bebas tanpa terhad ke negara China;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa dasar 'out dated' ini sedang menafikan peluang-peluang yang dinikmati oleh rakyat dari negara-negara jiran kepada ahli-ahli perniagaan dan ahli-ahli professional kita.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Dasar Kerajaan mengenai lawatan rakyat Malaysia ke Republik Rakyat China (RRC) adalah berasaskan kepada keselamatan dan kepentingan negara dan tidak semestinya mengikut dasar negara-negara jiran.

Sehubungan ini Parti Komunis Cina masih lagi meneruskan sokongannya ke atas perjuangan Parti Komunis Malaya. Setagi Parti Komunis Cina meneruskan hubungannya dan memberi sokongan kepada Parti Komunis Malaya maka selagi itulah ancaman oleh anasir-anasir Parti Komunis Malaya tetap wujud. Dengan keadaan sedemikian, hubungan sepenuhnya di antara rakyat Malaysia dan RRC tidak boleh diadakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun melonggarkan syarat-syarat bagi lawatan perdagangan ke RRC bagi membantu ahli-ahli perniagaan Malaysia mengadakan hubungan perdagangan secara terus dengan RRC. Kelonggaran syarat ini termasuklah menggalakkan lawatan perdagangan ke RRC secara individu dan berkumpulan oleh syarikat-syarikat Malaysia dan juga persatuan-persatuan yang berkaitan dengan perdagangan. Dalam pada itu lawatan dari kalangan ahli-ahli professional juga dibenarkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Kerajaan juga membenarkan lawatan daripada warganegara RRC ke Malaysia bagi tujuan ekonomi dan perdagangan dengan harapan perdagangan secara terus antara Malaysia — RRC dapat diwujudkan. Justeru itu dakwaan Ahli yang Berhormat yang menyatakan dasar bagi lawatan ke RRC yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang adalah menyekat peluang-peluang perniagaan warganegara Malaysia di RRC adalah tidak benar dan tidak berasas.

ANGGOTA POLIS DI TAWAU

38. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk menambahkan jumlah anggota polis di bandar Tawau memandangkan kepada bertambahnya kes-kes rompakan bersenjata, penyeludupan dadah dan kejadian membunuh.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan anggota polis yang ditugaskan di bandar Tawau. Pada masa ini Kerajaan berpuashati dengan kemampuan Pasukan Polis yang sedia ada untuk membanteras kegiatan jenayah di bandar tersebut.

KAD PENGENALAN BARU

39. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah Kerajaan akan memperkenalkan bentuk kad Pengenalan yang baru dan sama ada kad Pengenalan yang baru ini tidak dapat dipalsukan. Memandangkan beberapa kakitangan Sabah 'National Registration Department' (NRD) telah didapati terbabit dalam sindikit mengeluarkan kad pengenalan palsu, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau supaya kejadian seperti ini tidak berulang.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Pada masa ini Jabatan Pendaftaran Negara sedang membuat persediaan akhir bagi melaksanakan sistem kad pengenalan bentuk baru yang dijangka akan diperkenalkan sama ada pada penghujung tahun 1988 atau awal 1989.

Sistem kad baru ini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi dan sukar untuk dipalsukan.

Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa peka terhadap kemungkinan mana-mana pihak, termasuk kakitangannya sendiri dalam kegiatan memalsukan atau meminda apa-apa butiran di dalam kad pengenalan. Untuk mencegah kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara daripada terlibat di dalam kegiatan memalsukan atau meminda kad pengenalan, langkah-langkah tegas yang sesuai telah diambil termasuklah mengadakan kawalan-kawalan yang lebih ketat ke atas urusan prosesan kad pengenalan, penyimpanan rekod-rekod dan daftar kad pengenalan. Selain dari itu tindakan disiplin juga diambil ke atas mana-mana kakitangan yang dikesan secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan memalsukan kad pengenalan.

DASAR PEMBANGUNAN NEGARA—MEMAJUKAN

40. Dr Ting Chew Peh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jenis-jenis rancangan, jika ada untuk memajukan kampung-kampung baru, kampung-kampung tradisional dan ladang getah bagi meninggikan taraf hidup para penduduk luar-bandar; dan
- (b) projek jangka pendek, jika ada, untuk membantu mengatasi masalah pengangguran di kalangan muda-mudi luar-bandar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (a) Dasar pembangunan negara telah dan akan terus menitikberatkan usaha-usaha untuk memaju dan meninggikan lagi taraf hidup rakyatnya termasuk mereka yang tinggal di kampung-kampung tradisional, kampung-kampung baru dan ladang-ladang getah.

Secara umumnya bagi kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung baru rancangan-rancangan yang diadakan meliputi 3 aspek penting yang saling berkait iaitu rancangan-rancangan yang berbentuk ekonomi seperti rancangan pemulihan dan pembangunan tanah serta mewujudkan industri kampung.

Aspek kedua yang ditekankan oleh Kerajaan ialah mengada dan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan sosial. Ini meliputi usaha-usaha mengadakan kemudahan-kemudahan persekolahan, rumah ibadat dan keperluan-keperluan sosial yang

lain seperti tempat dan gelanggang permainan, kemudahan-kemudahan kesihatan dan mengadakan balairaya untuk keperluan setempat.

Aspek ketiga ialah rancangan-rancangan untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan pasaran yang ada. Ini termasuklah usaha-usaha untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, elektrik, jalan dan telefon.

Bagi mereka yang tinggal di ladang-ladang getah Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan asas yang sedia ada. Dalam mengadakan kemudahan-kemudahan baru, "Labour Code" dan "Workers (Minimum Standards of Housing) Act 1966" sedang disemak semula. Jabatan Buruh tetah pun menyediakan -deraf awal pindaan tersebut. Mutu rumah di ladang-ladang juga digalak untuk dinaikkan, sekurang-kurangnya mengikut piawai rumah awam kos rendah. Untuk memperbaiki mutu kehidupan dan alam keliling di ladang-ladang, Kerajaan sentiasa berusaha supaya pekerja-pekerja ladang dapat menerima bekalan air yang bersih dan "treated", bekalan elektrik serta kemudahan kesihatan dan persekolahan yang sempurna. Pihak majikan juga adalah digesa untuk menentukan keselesaan umum bagi pekerja-pekerjanya.

Di samping kemudahan-kemudahan dalam ladang-ladang swasta itu sendiri pekerja-pekerja ladang dapat juga menikmati kemudahan-kemudahan asas yang sedia ada

di sekitar ladang-ladang tersebut.

- (b) Berbagai-bagai projek jangka pendek dilaksanakan secara langsung ataupun secara tidak langsung bagi mengurangkan pengangguran di kawasan-kawasan luar bandar. Kerajaan juga telah mengadakan berbagai-bagai program yang meliputi ketiga-tiga aspek yang disebutkan dalam jawatan (a) di atas. Ini termasuklah program-program seperti Rancangan Belia Berniaga (RBB) di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan program Petani Siswazah yang melibatkan semua agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah.

ANTAH BIWATER—PROJEK BEKALAN AIR

41. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kerjaraya menyatakan kemajuan perlaksanaan Projek Bekalan Air oleh Antah Biwater setakat ini. Apakah kemajuannya dapat mengikut jadual dan jika tidak apakah sebab-sebabnya.

Dato' S. Samy Vellu: Setakat ini sebanyak 20 skim sedang dalam pembinaan manakala 52 skim lagi telah pun dikeluarkan arahan supaya memulakan kerja-kerja. Sukalah saya maklumkan bahawa kemajuannya adalah sedikit daripada jadual asal. Ini adalah kerana terdapat masalah-masalah teknikal terutamanya dari segi rekabentuk.

KURIKULUM PENDIDIKAN MORAL KBSM

42. Tuan Chua Jui Ming tntina Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah Kementerian telah

menggunakan pandangan dan cadangan dari Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh semasa menggubal kurikulum bagi Pendidikan Moral KBSM.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk menggubal Kurikulum Pendidikan Moral, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan satu jawatankuasa petugas Pendidikan Moral yang dianggotai oleh wakil dari berbagai pertubuhan agama. Mereka telah terlibat dalam Perancangan Kurikulum Pendidikan Moral sejak dari awal.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga telah melibatkan berbagai pihak dari segenap lapisan masyarakat seperti pertubuhan-pertubuhan sosial, Agensi-agensi Kerajaan dan swasta bagi mendapatkan pandangan dan cadangan, Kementerian ini telah mengambil kira semua pandangan dan cadangan yang telah disarankan.

BAHASA BAKU—ISTILAH

43. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Pendidikan menerangkan sejelas-jelasnya apakah yang dikatakan Bahasa Baku yang sekarang ini banyak golongan yang tidak tahu maksudnya. Adakah dimaksudkan Bahasa Standard; dan jika benar, adakah akan digunakan selain daripada Malaysia termasuk Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahasa Baku sama sahaja istilahnya dengan Bahasa Standard, iaitu bahasa yang memiliki aturan tatabahasa yang baku, sistem ejaan yang baku, perbendaharaan kata umum dan istilah yang baku, serta sebutan yang

baku. Istilah baku digunakan dengan maksud mantap, seragam, selaras dan digunakan dengan meluas sebagai ciri bahasa yang betul.

Bahasa Malaysia yang kita gunakan hari ini telah mencapai taraf bahasa baku dalam tiga aspek yang utama, iaitu tata bahasa yang sudah baku, perbendaharaan kata umum dan kata istilah yang sudah mantap penggunaannya, dan sistem ejaan Rumi dan Jawi yang juga sudah baku. Tetapi sistem sebutan bagi Bahasa Malaysia belum mencapai taraf baku, iaitu sebutan masih belum seragam dan selaras di kalangan semua penutur Bahasa Malaysia.

Bahasa baku yang sedang diperkatakan sekarang ini sebenarnya dimaksudkan "sebutan baku", iaitu cara sebutan yang seragam dan sesuai untuk digunakan dalam keadaan formal atau rasmi, seperti untuk digunakan oleh guru dan pelajar, dalam mesyuarat rasmi, perbahasan dalam Parlimen, perbicaraan di mahkamah, persidangan di seminar, temuduga, siaran melalui media elektronik, seperti penyampaian hebahan dan pembacaan berita. Pada amnya cara sebutan baku bagi Bahasa Malaysia adalah berdasarkan ejaan, iaitu menyebut perkataan menurut ejaan Rumi. Walau bagaimanapun peraturan menyebut perkataan menurut ejaan Rumi tidak akan berlaku seratus peratus, iaitu tidak akan berlaku bagi semua perkataan, kerana kata-kata istilah Agama Islam akan dilafazkan menurut bunyinya yang asal seperti di dalam Bahasa Arab sebagaimana yang dilambangkan dalam tulisan Jawi.

Tidak banyak perbezaan antara sebutan yang lama dengan sebutan baku yang sedang kita bina sekarang. Perbezaan yang jelas ialah usaha untuk menyeragamkan sebutan kata pinjaman daripada Bahasa Inggeris supaya sesuai dengan dieja dalam

Bahasa Malaysia misalnya kata "teknologi" diucapkan "tek-no-Io-gi" dan bukan "tek-no-lo-ji".

Cara sebutan baku yang mula kita perkenalkan dan laksanakan di sektor pendidikan sekarang ini pada umumnya tidak sama dengan cara sebutan baku yang digunakan dalam Bahasa Indonesia, dalam Bahasa Melayu di Singapura, atau dalam Bahasa Melayu di Brunei Darussalam. Jikalau terdapat cara sebutan yang sama, maka keadaan itu berlaku secara kebetulan, misalnya sebutan baku bagi perkataan yang dieja "republik" yang kita mantapkan di dalam Bahasa Malaysia adalah sama dengan sebutan kata itu di dalam Bahasa Indonesia, iaitu "re-pub-lik" bukan "ri-pab-lik". Hal ini terjadi demikian adalah kerana sistem ejaan Rumi Bahasa Malaysia berdasarkan ejaan bersama yang dirasmikan pada tahun 1972. Ejaan Rumi tahun 1972 itu diperkemas pada tahun 1975 dan sejak itu telah digunakan dengan rasminya dalam pendidikan dan di semua sektor yang lain.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH MESYUARAT 18

**Y.B. TUAN R. KARPAL SINGH
DITANGKAP SEMULA**

4.05 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan usul saya berbunyi:

"Bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (2)

ditangguhkan untuk membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu mengenai penangkapan semula Timbalan Pengerusi DAP merangkap Ahli Parlimen Kawasan Jelutong dan Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kawasan Bukit Gelugor, Sdr. Karpal Singh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri oleh pihak Cawangan Khas di satu sekatan jalan raya polis di Nibong Tebal pada kira pukul 7.30 malam, pada 9hb Mac, 1988 ketika dalam perjalanannya dari Ipoh ke Pulau Pinang selepas beliau dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Ipoh selepas permohonannya untuk mendapatkan, dengan izin, "Writ of Habeas-Corpus" dibenarkan oleh Hakim Peh Swee Chin.

"Bahawa di Mahkamah Tinggi Ipoh, Hakim Peh Swee Chin memerintahkan supaya Wakil dari Jelutong, Sdr. Karpal Singh di bebaskan apabila beliau memutuskan dalam keputusannya setebal 27 muka bahawa salah satu di antara butir-butir pertuduhan yang dilemparkan terhadap Sdr. Karpal Singh berkaitan dengan penahanannya di bawah ISA adalah tidak betul. "Pertuduhan yang disentuh itu ialah bahawa Sdr. Karpal Singh telah menggunakan isu perlantikan Guru Besar dan Penolong Kanan yang bukan berpendidikan Mandarin di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina untuk menyemarakkan perasaan perkauman masyarakat Cina, di satu perhimpunan di hadapan Bangunan Tuanku Syed Putra, Lebuh Downing, Pulau Pinang, pada 10hb Oktober, 1987.

Bahawa Hakim Peh Swee Chin dalam keputusannya telah memutuskan bahawa pertuduhan tersebut adalah tidak betul dan

kesilapan ini berlaku kerana pihak berkuasa telah menyediakan butir-butir pertuduhan tersebut tanpa cermat, berhati-hati dan perasaan tanggungjawab.

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana penangkapan dan penahanan seorang Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat seperti Sdr. Karpal Singh di bawah Akta ISA serta permohonannya untuk mendapatkan "Writ of Habeas-Corpus" yang mengakhiri dengan keputusan Mahkamah Tinggi Ipoh telah menimbulkan minat bukan sahaja orang-orang tempatan tetapi juga antarabangsa kerana ia menjejaskan kebebasan seseorang individu, hak seorang Ahli Parlimen dan keluhuran undang-undang."

Penangkapan semula Sdr. Karpal Singh menghina sama sekali keputusan Mahkamah Tinggi, menjejaskan keluhuran undang-undang dan kebebasan pihak perhakiman.

Penangkapan semula itu jelas menunjukkan bahawa doktrin pemisahan kuasa-kuasa tidak dihiraukan sama sekali.

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, yang harus dibincangkan kerana perkara ini melibatkan kebebasan seorang Ahli Parlimen, menafikan rakyat perwakilan mereka dalam Parlimen dan lebih-lebih lagi menjejaskan kebebasan pihak perhakiman, keluhuran undang-undang seperti terkandung dalam Rukunegara yang Parlimen ini telah berikrar untuk mempertahankannya.

Penangkapan semula Sdr. Karpal Singh merupakan satu tindakan yang paling tidak adil, yang tidak boleh diterima oleh rakyat Malaysia yang mempunyai "conscience" dan Dewan ini harus memutuskan bahawa beliau dibebaskan dengan serta-merta.

Tambah pula Sdr. Karpal Singh berada dalam keadaan kurang sihat sepertimana yang telah disahkan oleh doktor yang melaporkan bahawa beliau mengalami, dengan izin, "severe backache caused by the degenerative process of the spine and disc prolapse".

Dewan ini harus memastikan bahawa beliau diberi rawatan yang segera oleh pakar-pakar perubatan di hospital yang berkenaan. Sekian (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Bukit Bintang berkenaan dengan penangkapan semula Ahli Parlimen kawasan Jelutong.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah mendengar kandungan teks Usul yang dibacakan oleh Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Bukit Bintang sebentar tadi. Saya telah membaca dan meneliti Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana sebagaimana biasa sebelum saya menerima Usul Ahli Yang Berhormat itu, saya mesti berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu hendaklah menepati tiga perkara mengikut Peraturan Mesyuarat 18.

Syarat-syarat yang mesti dipenuhi itu ialah:

- (1) Perkara itu perkara tertentu;
- (2) Perkara itu adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (3) Perkara itu berkehendakkan disegerakan.

Setelah meneliti Usul Ahli Yang Berhormat itu, saya dapati dan bersetuju bahawa penangkapan Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Jelutong itu adalah bagi kepentingan orang ramai.

Walau bagaimanapun, saya tidak bersetuju bahawa perkara yang dibangkitkan itu boleh diterima sebagai perkara tertentu kerana ia telah mencampur-adukkan beberapa perkara lain seperti keputusan mahkamah dan doctrine pemisahan kuasa.

Selain daripada itu saya tidak dapat menerima hakikat bahawa perkara ini perlu disegerakan sehingga perlu kita tangguhkan Dewan untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan itu.

Perkara ini boleh dibawa oleh mana-mana ahli Yang Berhormat, selain daripada Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen pada bila-bila masa yang ditentukan oleh Peraturan Mesyuarat. Dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh juga menyentuh perkara ini dalam perbahasan atas Titah Ucapan Di-Raja yang kita bahaskan sekarang. Pendek kata, tidak ada keperluan bagi ia disegerakan.

Berkenaan dengan keadaan kesihatan Ahti Yang Berhormat bagi kawasan Jelutong sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ahli bagi Bukit Bintang itu, saya percaya pihak yang berkuasa yang berkenaan akan mengambil perhatian dan tindakan yang perlu.

Dengan alasan-alasan yang saya sebutkan itu, saya dengan ini menoiak Usul Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang (*Tepuk*).

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat
dibacakan bagi menyambung semula

perbahasan yang ditangguhkan atas masalah;

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh." (10hb Mac, 1988)

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa yang ditetapkan bagi kita membahaskan Ucapan Titah Di-Raja tinggal hanya dua hari lagi, iaitu hari ini, Jumaat 11hb Mac dan hari Isnin 14hb Mac, 1988 dan oleh kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dan belum lagi diberi peluang, maka dengan ini saya membuat peraturan menghadkan masa bagi tiap-tiap Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap selama tidak lebih dari 15 minit sahaja.

Saya menjemput Yang Berhormat dari Kota Belud untuk menyambung balik ucapan.

4.15ptg.

Tuan Maidom bin Pansai (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi saya peluang untuk menyambung ucapan saya pada petang semalam

yang belum habis itu. Kalau saya tidak silap, perkara yang terakhir yang saya telah sentuh ialah mengenai infrastruktur yang merupakan keperluan asas manusia seperti bekalan tenaga elektrik, bekalan air dan teleton.

Negeri Sabah sudah merdeka menerusi Malaysia hampir 25 tahun. Walaupun ianya telah mengalami perubahan yang begitu pesat yang telah dibawa oleh arus kemajuan dan pembangunan yang telah berjaya dilaksanakan selama ini. Namun hingga kini masih terdapat lagi banyak kampung-kampung di luar-luar bandar belum pun dapat menikmati hasil kemerdekaan itu sebenar-benarnya. Kini mereka masih lagi belum dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang merupakan keperluan asas seperti bekalan tenaga elektrik, bekalan air yang sempurna, telefon dan jalanraya yang sempurna. Masih ada jalan raya utama yang belum berturap dengan tar, bahkan di kawasan saya masih ada kampung lagi yang belum pun mempunyai sama sekali perhubungan jalan raya. Selama ini mereka hanya bisa mendengar dan melihat kemajuan dan pembangunan yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan selama ini, tetapi sedihnya mereka tidak dapat memegang dan tidak dapat menikmati atau menghayatinya dalam erti kata yang sebenarnya.

Dengan itu, di sini saya ingin mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah memberi penekanan mengenai infrastruktur seperti itu untuk memenuhi keperluan asas rakyat jelata.

Adalah menjadi harapan yang amat tinggi kita bersama agar atas berkat kesedaran Kerajaan dalam perkara ini maka tercapailah kiranya impian murni rakyat jelata kita selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai kempen untuk mencintai Bahasa Malaysia kita, ini memang sudah kena pada tempatnya dan tepat pada masanya. Sebenarnya kepada rakyat Malaysia yang cinta kepada negara Malaysia ini sepatutnya tidak payah dikempen untuk mencintai Bahasa Malaysia ini kerana ianya adalah satu-satu bahasa yang boleh menunjukkan atau menyatakan identiti kita sebagai rakyat Malaysia seperti kata pepatah "Bahasa Menunjukkan Bangsa."

Anehnya sesudah kita merdeka di dalam Malaysia sekian lama, kita masih lagi dalam peringkat berkempen untuk mencintai Bahasa Malaysia iaitu satu-satunya bahasa yang merupakan bahasa perantaraan di kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan bahasa di negara ini. Dan dengan kedudukannya seperti itu saya rasa tiada siapa yang boleh menafikan bahawa ianya bahasa yang boleh membawa kepada paduan rakyat. Ini menunjukkan bahawa hasrat untuk penggunaan bahasa kita Malaysia sepenuhnya masih belum tercapai. Kenapa? Mungkin juga disebabkan cara pendekatan atau perlaksanaannya yang tidak begitu berkesan.

Di sini izinkan saya untuk memberi pandangan tersendiri. Pada hemat saya salah satu daripada sebab ialah terdapatnya kewujudan keadaan di mana orang-orang yang berada iaitu yang saya maksudkan ialah orang-orang yang mampu, termasuklah para pemimpin negara kita yang lebih suka menghantar anak-anak mereka bersekolah di luar negara seperti di England, Canada, USA, Australia, New Zealand dan sebagainya untuk mengikuti pembelajaran dalam bahasa asing, terutama sekati seperti English daripada menghantar ke sekolah-sekolah tempatan yang berbahasa Malaysia. Seolah-olah dalam pandangan kasar rakyat jelata sekolah-sekolah termasuklah institusi-institusi

pengajian tinggi tempatan yang berpengantar Bahasa Malaysia hanya untuk golongan orang yang tidak berada atau tegasnya orang miskin. Ataupun seterusnya menganggap bahawa Bahasa Malaysia itu adalah hanya untuk bahasa orang-orang miskin atau orang yang tidak berada sahaja. Ini adalah satu-satunya sebab yang menjadi punca kekeliruan rakyat serta menjadi punca yang melambatkan pencapaian sepenuhnya terhadap matlamat untuk menanamkan rasa cinta kepada Bahasa Malaysia kita iaitu "Bahasa Jiwa Bangsa."

Yang kedua ialah sebagaimana yang telah saya kemukakan petang kelmarin menerusi soalan tambahan saya tetapi tidak dijawab atas alasan ianya terkeluar daripada soalan asal. Maka di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menyentuhkannya kembali kerana ini ada kaitan dengan bahasa iaitu pokok perbincangan saya sekarang ini.

Baru-baru ini saya telah dihubungi oleh beberapa orang Christian literature evangelists, dengan izin, daripada beberapa dominasi Kristian yang menyatakan bahawa buku-buku dan risalah-risalah yang berunsur Kristian yang mereka pesan daripada luar negeri iaitu dari Singapura dan Indonesia telah ditahan oleh pihak berkuasa Pejabat Pos dengan alasan bahawa buku-buku dan hsalah-risalah tersebut terdapat perkataan seperti Allah, Rasul dan sebagainya,

Bagi masyarakat yang beragama Kristian, perkataan tersebut adalah tidak lain dan tidak bukan adalah perkataan Bahasa Malaysia, walaupun mungkin ada yang menyatakan bahawa kedua-dua istilah itu bukan Bahasa Malaysia, namun bagi mereka sejak selama ini telah menganggapnya sebagai Bahasa Malaysia dan perbuatan mereka untuk menggunakan bahasa tersebut dalam istilah keagamaan adalah bertujuan untuk

menunjukkan kepada dunia bahawa kita suka dan cinta kepada Bahasa Malaysia itu dan seterusnya membuat apa juga usaha untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia yang dicintai itu. Justru itu pihak Kerajaan seharusnya menunjukkan rasa penghargaan terhadap usaha yang mulia itu bagi penggalakkan untuk mencintai bahasa itu sendiri dan jauhilah daripada mengambil satu tindakan seperti yang telah dinyatakan di atas tadi yang boleh mendatangkan kesan negatif terhadap kempen "Cintailah Bahasa Malaysia" dan semoga atas kesedaran pihak Kerajaan dalam perkara ini, matlamat kita untuk menanamkan rasa cinta rakyat jelata terhadap Bahasa Malaysia kita akan dicapai sepenuhnya.

Akhir sekali saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan sokongan penuh saya kepada saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas Petang semalam tentang cadangan untuk mengadakan sistem 5 hari bekerja dalam seminggu atau five day-week, dengan izin, demi untuk membolehkan rakyat jelata termasuklah pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk melibatkan diri dalam petancongan kerana kalau kita mahu matlamat kita dalam rancangan mempergiatkan pelancongan supaya tercapai dengan sepenuhnya, kita bukan sahaja sepatutnya menggalakkan para pelancong dari luar negeri sahaja malahan rakyat jelata sendiri untuk melancong di tanahair kita sendiri. Di sini juga saya bersetuju agar dalam pelaksanaan sistem 5 day-week ini supaya seluruh negeri akan mengadakan common holiday pada hari Sabtu dan Ahad.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini juga saya tidak lupa untuk memberi sokongan kepada

saranan yang dihuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Betong yang meminta Kerajaan supaya memberikan ruangan kepada Dayak dan Iban di Sarawak dan Kadazan atau Dusun di Sabah untuk siaran menerusi TV Malaysia supaya hukan sahaja unsur-unsur kebudayaan mereka dapat ditonton oleh masyarakat negeri itu sendiri tetapi juga seluruh lapisan masyarakat di tanahair kita Malaysia dalam usaha untuk, kita mendekati terhadap satu sama lain dan lebih dan pada itu ialah untuk menanam rasa hormat-menghormati dan seterusnya rasa cinta di kalangan berbagai bangsa dan kebudayaan di negara ini menerusi kebudayaan sebagai teras perpaduan seperti dalam pepatah. tidak kenal. maka tidak cinta.

Tuan Yang di-Pertua. saya rasa hanya setakat ini sahaja dari saya dan buat akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Kerajaan agar pandangan yang saya berikan itu akan mendapat perhatian positive untuk tindakan demi kepentingan negara dan rakyat bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Setar.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Rajang.

4.24 ptg.

Dr Nicholas Munong Anak Ibau (Rajang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya berucap menyokong Usul untuk menyembah dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda pada hari Isnin yang lalu. Titah Ucapan Baginda menjadi pelita untuk kita dan kandungan Titah Baginda amat menyeluruh, penuh dengan nasihat dan panduan untuk kita semua

supaya kita tahu umggungjawab kita bersama untuk mengekalkan negara yang kita cintai ini aman dan maju.

Titah Ucapan Baginda mengenai perpaduan adalah amat tepat pada masanya oleh kerana baru-baru ini banyak sudah berlaku yang mengancam perpaduan dan ketenteraman di negara ini yang akhirnya menyebabkan Kerajaan kita mengambil langkah yang tegas untuk menyelamatkan suasana yang aman dan harmoni yang kita capai selama ini. Di dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama perpaduan adalah buah yang kila capai dari kita semua yang bersikap hormat-menghormati dan bertoleransi kepada agama, budaya, tradisi dan aspirasi orang yang lain. Sikap orang yang terlampau adalah kuasa yang tidak kila sedari yang akan memecah-belahkan kearnanan dan perpaduan di negara kita ini. Saya telah mengikuti perkembangan yang terjadi kepada masyarakat kita.

Di Sarawak ada yang tidak kena yang menyebabkan rakyat tertanya-tanya berkenaan dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Sarawak. Kerajaan yang sepatutnya menjaga keharmonian dan perpaduan adalah Kerajaan yang rupa-rupanya mengganggu perpaduan di kalangan rakyat setempat. Baru-baru ini sejak pilihanraya yang lalu berbilang-puluh Ketua Masyarakat dari berbilang kaum seperti Temenggong, Penghulu dan Councillors telah dilucutkan jawatan tanpa sebab oleh Kerajaan. Penghulu-penghulu yang dilucutkan jawatan adalah dari mereka yang telah memegang jawatan sujak berpuluh-puluh tahun dan berbelas-belas tahun yang lalu dan ada juga yang telah dilantik setahun lebih sahaja. Kebanyakan Ketua Masyarakat terutamanya Penghulu yang dilucutkan jawatan tidak pernah melibatkan diri dalam politik oleh kerana dari awal perlantikan mereka. mereka dilarang berpolitik.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini rakyat tidak puas hati dengan langkah-langkah Kerajaan Sarawak melucutkan Jawatan Ketua Masyarakat tanpa sebab, tanpa amaran, tanpa tindakan tatatertib yang patut dilakukan. Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak sekarang tiada Ketua Masyarakat, hanya Ketua Politik sahaja. Langkah 'Kerajaan Sarawak melucutkan jawatan Ketua Masyarakat, ketua kaum yang telah diterima oleh semua rakyat amal bertentangan dengan tradisi aspirasi dan kehendak rakyat. Langkah yang begitu hukan memupuk perpaduan, tetapi menimbulkan salah anggapan tentang hasrat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada rakyat Sarawak salah anggap, monganggap langkah Kerajaan Sarawak membuang atau melucutkan Ketua Masyarakat sebagai langkah yang dipersetujui oleh Kerajaan Pusat dan ini akan menjejaskan imej Kerajaan kita. Dengan ini saya menyeru dan meminta pertolongan Kerajaan Pusat supaya memberi himbangan kepada Kerajaan Sarawak supaya menghentikan proses melucutkan jawatan Ketua Masyarakat yang dahulu dan dengan ini saya mencadangkan iaitu semua Ketua Masyarakat yang dilucutkan jawatannya dilantik semula untuk menyemai dan mengukuhkan semula laut setia dan cinta kepada pemimpin, Raja dan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada di kalangan tokoh politik yang menuduh parti PBDS bersikap perkauman. Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang begitu rupa adalah tidak berasas sama sekali. Di pilihanraya yang lalu seorang China bekas Ahli Dewan Undangan parti SUPP telah hertanding dengan lambang parti PBDS di kawasan yang hampir 90% orang Iban telah menang dari sokongan penuh dari PBDS. Kemenangan seorang China menjadi

Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak di atas sokongan kami membuktikan dengan jelas parti PBDS tidak perkauman, tidak terlampau seperti yang dituduh.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini terutamanya di Sabah dan Sarawak adalah negeri-negeri yang kaya dengan hutan yang luas. Rakyat dari berbilang kaum telah membuat tunggakan kepada hutan yang berdekatan dengan tempat asal mereka yang telah mereka jaga dan pelihara sejak dari zaman turun-temurun yang lalu untuk memberi keperluan asas kepada mereka seperti mendapat kayu untuk perahu, mendapat alat perumahan dan mendapat kayu untuk membuat sentubung untuk mereka bila mereka mati. Tunggakan kepada hutan menjadi isu yang hebat di mana satu kumpulan kaum Penan yang tidak pernah ke ibu kota datang ke sini untuk menuntut hak mereka. Akhirnya baru-baru ini Kerajaan Sarawak telah meluluskan Undang-undang Hutan yang membenarkan Menteri menjalankan kuasa penuh untuk meluluskan atau melucutkan lesen pembalakan tanpa sebab dan perbicaraan dan menjalankan kuasa tangkap sesiapa orang yang menghalang pembalakan walaupun kerja pembalakan itu dijalankan di kawasan hutan simpanan orang tempatan yang mereka telah pelihara dari zaman dahulu.

Kandungan undang-undang yang diluluskan oleh Kerajaan Sarawak yang lalu amat banyak bertentangan dengan tradisi berbilang kaum di Sarawak. Adakah Kerajaan akan mengalami kerugian yang besar sekiranya Kerajaan membuat hutan simpanan yang kecil untuk orang tempatan yang berdekatan untuk mereka dapat keperluan asas mereka? Saya berpendapat itu tidak akan memberi kerugian yang besar kepada Kerajaan. Sistem mengadakan

kawasan hutan simpanan yang dikatakan pulau di sana telah diterima dan dihormati oleh Kerajaan yang dahulu. Apa yang menimbulkan tentangan yang hebat ialah pada masa ini taukeh pembalok diberi kuasa membalok di mana sahaja mereka mahu tanpa mengambil harta-benda dan tradisi rakyat setempat.

Saya berpendapat Kerajaan Sarawak yang meluluskan Undang-undang Hutan yang lalu adalah satu langkah yang terlampau dan salah keutamaan. Apa yang lebih patut ada dalam undang-undang itu ialah:

- (1) Melarang seseorang mempunyai lesen membalok yang merangkumi beratus ribu ekar kawasannya;
- (2) Undang-undang Hutan sepatutnya memberi galakan dan insentif untuk kompeni-kompeni yang memberi keutamaan kepada aktiviti yang memproses balak untuk mendapat keuntungan yang lebih besar dan juga memberi peluang pekerjaan kepada rakyat kita di mana pengangguran bertambah meningkat.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, kayu balak diekspor lebih banyak dari kayu yang sudah diproses dan suasana begini mesti ditukar supaya kayu yang sudah diproses diekspor lebih banyak untuk mendapat keuntungan lebih kepada negara kita. Dengan ini saya mencadangkan supaya Kerajaan menggalakkan dan memberi insentif kepada pelabur luar membuat kilang-kilangnya sendiri di negara kita ini dengan sistem usahasama.

Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat di negara kita bergantung dengan aktiviti pertanian terutama rakyat di luar bandar. Di negara kita ada banyak lagi tanah yang luas yang kita dapat terokai. Rancangan pertanian yang baik akan menguntungkan rakyat dan

negara kita amnya. Semasa saya melawat dan mengetahui tentang aktiviti pertanian di Semenanjung ini di mana banyak petani telah mendapat keuntungan dari rancangan pertanian, saya amat tertarik dengan pentadbiran yang cekap dan kakitangan yang dedicated, dengan izin, untuk meningkatkan tahap kehidupan para petani.

Di Dewan ini juga kita telah diberitahu tentang peneroka di ladang FELDA yang telah diberi land title, dengan izin. Saya yakin pihak peneroka yang menerima sijil tanah mereka itu amat bergembira di atas langkah Kerajaan yang memberi harta kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah berlaku di Sarawak di sesuatu tempat adalah amat jauh bezanya dari apa yang berlaku di ladang FELDA. Di Dewan ini juga kita telah diberitahu oleh Yang Berhormat dari Saratok dahulu iaitu rakyat di kawasan Balingian tidak ada hak lagi oteh kerana Kerajaan telah membeli tanah asal mereka \$50 seekar. Berapa banyakkah \$50 yang tidak dapat Kerajaan beri kepada rakyat? Langkah Kerajaan seperti yang terjadi di Balingian dan beberapa banyak lagi tempat di Sarawak di mana tanah asal orang bumiputera diambil oleh Kerajaan amat bertentangan dengan kehendak rakyat. (*Tepuk*)

Kami telah mengetahui ramai rakyat yang terlibat telah mengalami kesusahan oleh sebab agensi pembangunan tanah mengalami kerugian yang disebabkan pentadbiran yang tidak cekap dan rancangan yang tidak menyeluruh. Dari bukti yang telah diketahui oleh rakyat, rakyat bersikap berwaspada dan berjimat dan mengemukakan beberapa banyak pertanyaan kepada seorang wakil agensi pembangunan tanah yang ingin membuka tanah untuk pertanian di kawasan orang bumiputera. Oleh

kerana wakil agensi pembangunan tanah tidak dapat menerangkan dengan jelas tentang soalan yang dikemukakan oleh rakyat, pihak parti PBDS telah dituduh oleh sebahagian tokoh parti politik sebagai parti yang "anti-development".

Tuan Yang di-Pertua, kami telah menjadi, dengan izin, "the scapegoat" mereka untuk melindungi kelemahan dan kegagalan mereka menerangkan dengan jelas tujuan dan rancangan yang mereka hendak jalankan. Kami akan memuji apa yang baik dan juga akan mengkritik apa yang salah supaya dibetulkan oleh kerana semua kita manusia mesti ada kesilapan. Tuduhan seorang tokoh politik menganggap kami sebagai "anti-development" adalah tidak berasas sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya telah mengetahui iaitu Bank Pertanian di Sarawak telah memainkan peranan yang baik terutamanya di bidang skim pinjaman untuk Skim Pertanian Berkelompok. Beberapa kawasan yang telah mendapat pinjaman untuk Skim Berkelompok menunjukkan kemajuan dan kemampuan mereka. Skim Pinjaman Berkelompok adalah amat sesuai kerana ianya akan menanamkan semangat berdikari dan tidak membebankan Kerajaan oleh kerana mereka sendiri yang akan menanggung hutang sendiri. Dengan ini saya mencadangkan supaya skim serupa itu diteruskan kepada seluruh kawasan di Sarawak.

Dengan ini juga saya ingin mengambil peluang ini menyampaikan sokongan kami dari PBDS yang tidak berbelah-bahagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk memimpin negara ini.

Akhir sekali saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih

kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda pada hari Isnin yang lalu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

4.38 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk turut mengambil bahagian terhadap Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pada petang ini saya akan mengkhususkan mengenai dengan Titah Baginda dalam masalah perpaduan negara di mana Kerajaan hendaklah terus melaksanakan program-program mempertingkatkan perpaduan antara kaum supaya matlamat perpaduan nasional tercapai khususnya memperhebat usaha menanamkan semangat cintakan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat.

Bila bercakap tentang Bahasa Malaysia di kalangan rakyat maka kita melihat penggunaan bahasa ini telah berkembang maju tetapi agak malang sedikit apabila kita hubungkaitkan dengan penggunaannya di mahkamah-mahkamah di Malaysia ini. Penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah merupakan satu isu lama, satu isu yang telah berpanjangan, yang tenggelam timbul dan menjadi segar kembali apabila ada orang membicarakannya. Perbincangan mengenai penggunaan bahasa ini tidak habis-habis dan seringkali tidak kesampaian matlamatnya. Hal ini akan hanya menjadi selesai apabila Bahasa Malaysia digunakan sepenuhnya di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan Bahasa Malaysia di mahkamah adalah ketinggalan dan paling terkebelakang jika disemak tentang penggunaan Bahasa Malaysia itu dan dihubungkaitkan di bidang-bidang yang lain seperti di bidang sains, perubatan, kejuruteraan dan juga bidang-bidang profesional yang lain. Bahasa Malaysia sebenarnya telah lama diiktiraf pemakaian dan penggunaannya dalam semua bidang termasuk di mahkamah. Ini diakui dalam Perlembagaan Malaysia Pasal 157 yang antara lain menyebut bahawa Bahasa Malaysia adalah merupakan Bahasa Rasmi dalam semua bidang dan boleh dilaksanakan dalam semua bidang. Apabila pengiktirafan dan statusnya dijaga dan dimaktubkan dalam hak serta bentuk yang sedemikian rupa, sedangkan ianya tidak dilaksanakan, walaupun Malaysia telah merdeka lebih daripada 30 tahun, maka sudah tentulah persoalannya akan berterusan, akan berpanjangan sejajar dengan wujudnya Melayu dan peradabannya, rakyat Malaysia dan peradabannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah bukan suatu perkara baru yang sukar dicapai. Pada pandangan saya penggunaannya mudah sekali dicapai, iaitu apabila kita dapat memenuhi satu syarat yang utama iaitu semua pihak mestilah committed terhadap perlaksanaannya. Apa yang kita dengar selama ini hanya pengumuman-pengumuman, rintihan-rintihan hasrat yang dirakam dan disembahkan dalam bentuk teori dan juga tangisan-tangisan yang berjelajela terjadinya pula dalam masa-masa yang tertentu. oleh orang-orang tertentu, sebab-sebab tertentu dan kadangkala secara tiba-tiba, secara *ad-hoc* serta tidak menentu "framework" ataupun perancangannya. Kita tidak mendengar dan belum lagi melihat satu framework, satu perancangan yang lengkap serta teratur yang

sungguh-sungguh dan committed

Tuan Sim Kwang Yang (*Bungun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan I. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang. Yang Berhormat dari Bandar Kuching. . . .

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak beri. Apabila kita tidak ada perancangan. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: On a point of order.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:matlamat dan

Tuan Sim Kwang Yang: On a point of order. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa point of order ini?

Tuan Sim Kwang Yang Tidak cukup korum. malangnya tidak ada orang berminat dengar ucapan Yang Berhormat dari Marang. Saya mahu tolong panggil koruni.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: DAP cabut lari.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Setiausaha, sila bilang. Bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir.*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): • Cukup korum, teruskan. Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: DAP ponteng lagi.

Tuan Yang di-Pertua. apabila tidak ada perancangan. matlamat dan kesungguhan secara teratur dan global, maka tentulah cita-cita dan

hasrat itu tidak padu, berpecah-pecah dan bersepah-sepah. Inilah sebenarnya yang berlaku dalam 30 tahun dahulu.

Saya kira kalau penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah akan dapat dilaksanakan dengan mudah apabila kita ada kesungguhan, ini jelas dibuktikan penggunaannya dalam bidang perubatan dan kejuruteraan, oleh itu faktor commitment merupakan faktor terbesar, dan saya nampak pihak yang mampu melaksanakannya ialah Kerajaan sendiri,

Masalah kedua, kenapa tidak dapat dilaksanakan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah ialah kerana kurangnya buku-buku serta bahan-bahan sumber bahasa itu sendiri baik dalam bentuk karangan asal, ciptaan atau terjemahan.

Sebenarnya dalam masalah perundangan yang lazimnya melibatkan perhubungan dan rujukan antara hakim, peguam dan juga pelanggan, buku-buku journal, record, encyclopaedia, rujukan dan sebagainya adalah merupakan aspek-aspek yang penting. Di Malaysia semua bahan-bahan itu ada, malangnya semuanya dalam bahasa Inggeris, kehadiran bahan-bahan tersebut dalam bahasa Inggeris bermula semenjak kehadiran kolonial Inggeris lagi, semenjak Francis Light membuka Pulau Pinang pada tahun 1786 lagi. bukanlah setakat merdeka pada tahun 1957 atau 30 tahun ini sahaja. Kenapa ini terjadi? Sedangkan kita mempunyai hakim, peguam dan juga pengamal undang-undang yang terdiri dari rakyat Malaysia yang tahu membaca, menulis Bahasa Malaysia. Di sinilah letaknya persoalan di mana letaknya kesanggupan dan peranan mereka untuk menghasilkan karya-karya perundangan, tidak akan mungkin

lebih baik ahli-ahli sastera atau seorang pengarang biasa menghasilkan karya-karya perundangan jika dtbandingkan dengan golongan-golongan profesional mahkamah, tidak munasabah dan yakin orang lain, profesional di bidang yang lain menghasilkan karya-karya, bahan-bahan perundangan seperti golongan profesional, perundangan dan kehakiman.

Saya kira bila hakim, peguam, kakitangan Jabatan Kehakiman, Kementerian Kehakiman menerima cabaran ini dan mula bertindak (termasuk DAP) serta bekerja untuk menghasilkan karya-karya ataupun bahan-bahan perundangan. maka melambak dan bertimbunlah bahan-bahan rujukan kita, akan mudah dan senanglah pengamal undang-undang dan semua pihak yang bersangkutan menimba ilmu, merujuk dan menyandar pembelajaran dalam kes-kes mereka, tidak lagi terapung-apung dan juga meraba-raba.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini juga sukalah kita mengaitkan bahawa Bahasa Malaysia sebenarnya kaya dari segi budaya dan istilahnya. Bahasa ini merupakan salah satu daripada 10 bahasa terbesar di dunia dan diamalkan oleh lebih 200 juta umat manusia di dunia. Namun kita juga akui Bahasa Malaysia agak ketinggalan, agak lemah sedikit dari segi ataupun aspek tekniknya, dalam konteks "terminology" ataupun pengistilahan di bidang profesional seperti perundangan ini, jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Faktor inilah yang menyebabkan hal-hal yang tidak mahu. orang-orang yang tidak muhu melihat Bahasa Malaysia maju dan berkembang mengambil kesempatan, mereka bukan sahaja membandingkan kekurangan istilah teknik Bahasa Malaysia itu dengan bahasa Inggeris, tetapi mencari jalan untuk menyekat

kemaraan dan pengkayaan pengistilahan itu. Inilah sikap setengah-setengah daripada pengamal undang-undang seperti yang dilakukan oleh Param Cumarasamy iaitu Pengerusi Bar Council. Param Cumarasamy bersama dengan kunci-kuncunya telah melihat masalah penggunaan Bahasa Malaysia ini sebagai satu masalah kepada mereka. Mereka berkata "ya" di depan, tetapi di belakang mereka juga tidak menyetujui Bahasa Malaysia ini digunakan sepenuhnya. DAP saya tidak tahu, mungkin ada.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hujah-hujah, ujaran-ujaran demikian sememangnya berlaku dalam banyak hal, bukan dalam hal-hal perundangan ini sahaja berlaku, malah ketika Bahasa Malaysia hendak dilakukan dan dilaksanakan di Jabatan-jabatan Kerajaan, di agensi-agensi Kerajaan dan juga di universiti-universiti (bahasa baku).

Di Malaysia dahulu kita melihat ramai orang menentang, ramai orang menghalangnya, kita tempoh seluruh halangan dan cabaran itu akhirnya Bahasa Malaysia telah menelorkan satu kejayaan. Maknanya, "kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya", kalau kita tidak usahakan sekarang, mana hasilnya; kalau tidak kita berdiri, mana kita boleh berjalan?

Tuan Yang di-Pertua, di India ada satu bahasa bernama bahasa Urdu. Bahasa ini bukanlah lahir sendiri, tetapi bahasa ini adalah bahasa campur-aduk. Bahasa Hindi pun ada, Tamil pun ada, bahasa Arab pun ada, bahasa Inggeris sedikit-sedikit pun ada. Lalu diciptakan bahasa Urdu itu dengan terminologinya, tekniknya dicampur-adukkan. Hari ini kalau kita dengar lagu Urdu dalam nyanyian Hindustan, kita naik syok kerana sememangnya baik. Saya kira ini merupakan satu faktor dan juga merupakan satu contoh yang baik untuk

kita ikut. Begitu juga di Singapura, Filipina, Thailand, Indonesia, mereka ini dahulu semuanya menggunakan bahasa kolonial, penjajahan Inggeris ataupun Belanda untuk dijadikan bahasa perundangan di mahkamah, tetapi atas usaha kebangkitan rakyat mereka sendiri, akhirnya bahasa-bahasa penjajah kolonial Mat Saleh jahanam ini telah dinyahkan daripada bumi mereka. Dicacakkan bahasa pertuanan pribumi itu sendiri. Nah, hari ini sudah berdiri Bahasa Indonesia di Indonesia, Bahasa Thai di Thailand, Bahasa Filipina di Filipina. Kalau negara-negara lain ini boleh mengamalkan bahasa ibunda masing-masing, apakah kita tidak boleh? Sebenarnya kita boleh, tetapi sikap sahaja, kesanggupan kita sahaja tidak komited.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan juga bahawa tiga badan yang besar iaitu badan Kehakiman, Majlis Peguam dan juga Jabatan Peguam Negara perlulah mulai daripada hari ini, bersatu tenaga dan fikiran untuk menubuhkan satu jawatankuasa untuk melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah. Bukan melihat politik sahaja yang dipentingkan. Ketiga-tiga badan ini perlulah menyatukan fikiran kerana sudah sampai masanya mereka sebagai orang yang pertama yang tahu, yang juga terlibat secara tidak langsung untuk bersatu tenaga dan fikiran bagi memulakan peraturan-peraturan mahkamah tinggi yang selama ini menggunakan bahasa Inggeris digantikan dengan Bahasa Malaysia.

Tugas jawatankuasa ini juga saya kira adalah untuk menggabungkan tenaga intelek, buah fikiran dengan adakan perancangan, adakan framework, adakan tindakan, gunakan Bahasa Malaysia dan jadikan ketiga-tiga badan ini sebagai contoh dan teladan, bukan sebagai teori-teori, bukan sahaja perintah-perintah, bukan sahaja pendayu-dayu macam

pungguk rindukan bulan. Kalau ini diamalkan, saya kira sampai bila pun badan ini akan tidak berfungsi dan tidak akan dihormati dalam konteks penggunaan dan juga sebagai hero penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah.

Hari ini juga saya hendak menyentuh satu lagi tentang Dewan Bahasa dan Pustaka. Kita melihat Dewan Bahasa dan Pustaka adalah merupakan satu Dewan ataupun merupakan satu badan untuk melaksanakan pengistilahan dan juga terminologi bahasa, Bahasa Baku, di semua aspek, di semua keadaan. Kita menyeru supaya Dewan Bahasa dan Pustaka perlu menyusun dan mengkaji balik tentang peranan dan tanggungjawab mereka. Dewan Bahasa dan Pustaka perlu gigih, perlu maju dan cepat. Kita mungkin akan meletakkan satu kesalahan besar—baru-baru ini diletakkan satu—meletakkan satu kesalahan besar pada Dewan Bahasa dan Pustaka bahawa kalau sudah 30 tahun merdeka, tetapi hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dua minit lagi.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: . . . masalah terminologi undang-undang tidak juga boleh diselesaikan. Dalam konteks ini, kita menyeru supaya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mengkaji balik kedudukan mereka, mengkaji balik peranan mereka supaya melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia ini secara sungguh bukan dalam bentuk wujudnya bangunan dan juga bentuk jawatan-jawatan yang ada.

Selain daripada itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Kerajaan jugd memainkan peranan yang jelas dan teratur, mengadakan perancangan. Misal katakan kita adakan

perancangan Bulan Bahasa Kebangsaan, Minggu Kempen, juga kita boleh mengadakan kelas-kelas Bahasa Malaysia kepada Hakim-hakim yang "act" sangat dengan bahasa Inggeris itu, tetapi tidak mahu cakap Bahasa Malaysia walaupun dia rakyat Malaysia. Kita juga boleh mengadakan kenaikan pangkat, kedudukan dan juga mengadakan peperiksaan pada Hakim, pengamal undang-undang, agar mereka tahu bahawa mereka juga mesti lulus Bahasa Malaysia untuk mereka menjadi sedrang Hakim ataupun lawyer. Hari ini kita gunakan kepada jabatan-jabatan ataupun kakitangan-kakitangan yang bukan pengamal undang-undang dan seumpamanya.

Saya juga mencadangkan supaya Kerajaan turut mengadakan sayumbara, mengadakan pertandingan, terjemahan, ciptaan karya-karya mereka dalam perundangan dan sebagainya. Dan kita juga minta tuntutan supaya Bar Council hari ini perlu membuat keputusan yang jelas, Majlis Peguam ini membuat satu keputusan yang jelas, Param Cumaraswamy biar jelas kedudukan mereka. Jangan duduk main-main muka sahaja ataupun jangan "act" di depan sahaja, tetapi mestilah bertindak supaya mereka menyatakan pendirian mereka bahawa mereka akan melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia ini secara sungguh-sungguh dan jelas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia ini kalau sudah dibuktikan boleh digunakan di Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya dan juga di Universiti Kebangsaan Malaysia maka tidak ada sebab kalau sekiranya anak kandung undang-undang itu diFakulti Undang-undang boleh melaksanakan menggunakan-nya, maka tidak ada sebab kita

tidak menggunakannya. Dan juga kita tuntutan supaya Kerajaan bertindak tegas melaksanakan Bahasa Malaysia ini sejajar dengan hasrat dan Artikel 157 dalam Perlembagaan Malaysia. Dan kita tidak mahu lagi perkara ini hanya diperkotak-katikkan sahaja dan juga diandaikan dalam bentuk rintihan-rintihan dan teori-teori sahaja. Kita minta dan kitu tuntutan supaya perkara ini dilaksanakan dengan segera agar penggunaan Bahasa Malaysia diperketat dan diperkemas lagi menjadi alat komunikasi yang baik sebagaimana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya menjunjung dan merakamkan penghargaan serta terima kasih kepada Titah Ucapan Di-Raja ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Padang Serai.

5.56 *ptg.*

Tuan Chew Kam Hoy (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbincangan dan menyokong Usul, Ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Ketujuh pada 7hb Mac ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengatakan bahawa perpaduan merupakan asas bagi kekuatan negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama. Sekiranya perpaduan tidak wujud, keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang telah kita capai selama ini akan

musnah. Dalam hubungan ini, peristiwa tahun lepas patut dijadikan pengajaran kepada kita semua. Oleh itu suka kita mengingatkan semua pihak terutama parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan dan lain-lain supaya bersikap bertanggungjawab dan sederhana dalam semua tindakan dan kenyataan mereka semoga tidak menjejaskan perpaduan negara. Akan tetapi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah menimbulkan isu-isu sensitif dalam Dewan yang mutia ini. Beliau telah mengeluarkan pendapat-pendapat orang lain yang masih meragu-ragukan kesetiaan rakyat keturunan Cina di Malaysia, implikasi bahawa rakyat keturunan Cina tidak setia kepada Malaysia. Ini amat menyakiti perasaan rakyat keturunan Cina.

Malaysia ialah sebuah negara yang berbilang kaum dan ia diperintah oleh Kerajaan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Chew Kam Hoy: Masa tidak cukup. Saya tidak beri. Malaysia ialah sebuah negara yang berbilang kaum dan ia diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional yang dianggotai oleh parti-parti yang berbilang bangsa. Oleh yang demikian, permintaan atau cadangan untuk menyerapkah unsur-unsur kebudayaan bukan Melayu yang baik ke dalam Kebudayaan Nasional tidak boleh dianggap sebagai tindakan yang tidak setia kepada negara. Saya bersetuju dengan sepenuhnya pendapat Yang Berhormat dari Pasir Mas yang telah mengatakan unsur-unsur kebudayaan yang baik dari kaum-kaum bukan Melayu patut dipertimbangkan untuk diserapkan ke dalam Kebudayaan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat beribu-ribu orang Cina di Hong Kong sedang meninggalkan Hong Kong kerana mereka merasa takut akan pemerintahan Kerajaan Komunis Republik Rakyat Cina menjelang tahun 1990. Oleh yang demikian tidak perlu bagi sesiapa pun meragui kesetiaan rakyat-rakyat keturunan Cina di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah disentuh setiap sesi Parlimen dan banyak perkara dan masalah telah dibahas. akan tetapi di waktu kita berbincang hal-hal negara yang penting ada satu perkara sosial yang serius yang selalunya terbiar dan ditinggalkan. Masalah ini dirasai disetiap negeri di seluruh negara dan melibatkan kehidupan harian golongan orang-orang tua yang bergantung kepada bantuan Kerajaan, terutamanya penghuni-penghuni di rumah orang tua. Kebanyakan rumah orang-orang tua ini terutamanya rumah-rumah yang terletak di Kedah Darulaman berada dalam keadaan yang amat buruk sehingga menjadi ancaman kesihatan, Bayaran kebajikan kepada mereka juga diganggu setiap tahun mengakibatkan golongan ini menghadapi kesulitan. Sepertimana kita maklum mereka ini diberi bayaran kebajikan minima di antara \$30 dan \$50 sebulan iaitu \$30 kepada mereka yang bergantung kepada peruntukan Kerajaan negeri dan \$50 kepada mereka yang mendapat elaun dari Kerajaan Persekutuan.

Bayaran ini walaupun sedikit sahaja adalah penting untuk membiayai keperluan orang-orang tua ini. Orang-orang tua ini juga memerlukan bantuan-bantuan sukarela dari orang ramai. Masalah sekarang ialah kelewatan bayaran dari segi pemberian bantuan kewangan oleh pihak Kerajaan. Saya difahamkan bahawa kelewatan bayaran dirasai setiap tahun pada bulan Januari dan Februari. Ini saya

diberitahu adalah kerana peruntukan kebajikan selalunya dikeluarkan lewat. Jabatan Kebajikan Negeri menerima peruntukan pada bulan Mac setiap tahun. Ini mengakibatkan orang-orang tua ini tidak diberi satu sen pun untuk bulan-bulan Januari dan Februari.

Oleh kerana masalah ini melibatkan golongan yang langsung tidak berkemampuan, Kerajaan dan Jabatan Kebajikan khasnya harus mengambil tindakan dengan segera supaya kesukaran orang-orang tua ini dapat diringkaskan.

Kelewatan seperti ini tidak harus berlaku sama sekali dan saya harap pihak Kementerian Kebajikan dan Badan-badan yang berkenaan akan mengambil tindakan supaya masalah ini tidak berlaku lagi mulai tahun hadapan, Golongan orang tua merupakan salah satu golongan yang jarang diberi perhatian kerana mereka tidak tahu sama sekali cara-cara untuk menimbulkan masalah-masalah mereka. Mereka selalunya terpaksa berdamai sahaja dah kesukaran mereka tidak dapat menarik perhatian pihak-pihak berkuasa.

Saya difahamkan masalah ini bukan sahaja berlaku di Kedah tetapi di setiap negeri di Malaysia. Di waktu kita berbincang perkara-perkara negara yang penting, masalah ini harus juga diberi perhatian yang sewajarnya. Orang-orang tua ini mesti diberi perhatian selalu dan kehendak-kehendak asas mereka perlu dijaga. Mereka tidak boleh dianggap sebagai golongan yang tidak berguna tetapi sebagai senior citizens, dengan izin, yang harus diberi perlindungan. Kita mesti menghormati golongan tua ini dan menolong mereka dengan ikhlas dan hati yang penuh.

Pegawai-pegawai kebajikan mesti diwajibkan untuk melawat orang-orang tua untuk meninjau keadaan

rumah-rumah orang tua dan tindakan segera diambil untuk menjamin supaya mereka dapat hidup dalam keadaan yang bersih dan dengan kelengkapan asas yang sesuai dan sebenar.

Memandangkan keuntungan yang diperolehi dari peningkatan penjualan loteri Kerajaan oleh Kementerian Kebajikan adalah munasabah untuk menimbang cadangan untuk meningkatkan elaun negeri dari \$30 kepada \$50 kepada \$70 sebulan kepada orang-orang tua ini. Kini penjualan loteri kebajikan dibuat dua kali sebulan berbanding dengan penjualan sebulan sekali yang dipraktikkan sebelum ini. Tambahan dalam pendapatan Kementerian Kebajikan ini patut digunakan untuk meringankan beban orang-orang tua ini.

Langkah ini akan menghilangkan orang-orang tua ini daripada menjalankan kegiatan-kegiatan meminta sedekah di merata-rata tempat. Ini akan menunjukkan bahawa Kerajaan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang mengambil kira kebajikan sesiapa yang memerlukannya selain dari meningkatkan imej Malaysia sebagai sebuah pusat pelancongan yang terkemuka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya bagi pihak Ahli-ahli Parlimen MCA ingin mengambil peluang ini untuk menyuarakan sekali lagi sokongan penuh kami kepada kepimpinan Yang amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kepimpinan Yang Amat Berhormat Dr Mahathir amat diperlukan untuk menstabilkan keadaan politik negara kita dan ini akan mempercepatkan pemulihan ekonomi negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.08ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan di atas Usul di bawah nama Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar terhadap Titah Di-Raja dan seperti yang dinasihatkan oleh Timbalan Yang di-Pertua tadi dalam menolak satu Usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. ingin saya mengambil kesempatan ini untuk membahaskan perkara tentang tangkapan semula saudara Karpal Singh.

Terlebih dahulu ingin saya merakamkan dalam Dewan yang mulia ini bantahan sekeras-kerasnya tentang tahanan semula saudara Karpal Singh iaitu Ahli Parlimen dari Jelutong pada 9hb Mac, 1988 waktu pukul 7.30 malam iaitu hanya 8 jam selepas ia dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Ipoh telah memohon Writ of Habeas-Corpus tentang tahanan asalnya di bawah ISA itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kami dari DAP telah sangkakan kemungkinan tangkapan semula saudara Karpal Singh di bawah ISA sebelum 9hb itu selepas ia mungkin dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Ipoh, oleh kerana kita tahu sekiranya pihak Kerajaan Barisan Nasional tidak menahan dan menangkap saudara Karpal Singh sekali lagi selepas ia dibebaskan, Kerajaan Barisan Nasional bukanlah Kerajaan Barisan Nasional. Maka ciri oppressiveness Barisan Nasional memang telah menjadi amat predictable.

Yang amat dikesali ialah cara tangkapan semula pada 9hb itu. Pada ketika itu walaupun saudara Karpal Singh kurang sihat dan menderita dari sakit pinggang teruk, pihak berkuasa menafikan hak beliau untuk diberi rawatan perubatan dengan serta merta. Dia terus dihantar ke police

lock-up di Pulau Pinang. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberitahu Dewan yang mulia ini juga bahawa pada 23hb Disember tahun lalu pada mungkin dekat waktu pukul 9.00 malam, saudara Karpal Singh pun pengsan dalam tahanan itu, keadaannya dibawa kepada pegawai yang berkuasa tetapi ia dibiarkan pengsan satu jam barulah rawatan diberi. Ini satu keadaan yang tidak memuaskan sama sekali dan saya harap Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri akan mengambil perhatian berat dan mengambil tindakan sewajarnya dan saya harap tidak akan apa-apa yang akan berlaku kepada Yang Berhormat saudara Karpal Singh dari kawasan Jelutong.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Zubir bin Embong: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Tak ada masa, saya hanya ada masa 15 minit. Kalau injury time dibenarkan, saya boleh beri jalan. Bolehkah, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Dia kata teruskan, Tuan Yang di-Pertua tak bagi masa tambahan.

Tuan Zubir bin Embong: Takutkah?

Tuan Sim Kwang Yang: Mana takut, any time.

Tuan Zubir bin Embong: Okay, setuju any time also.

Tuan Sim Kwang Yang: Mana Takut. Kalau Ahli Yang Berhormat

dari Kuala Terengganu mahu bahas, bolehlah mengadakan satu tempat, satu masa di luar dari Dewan ini untuk mengadakan satu perbahasan terbuka. Saya bukan takut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: I accept the challenge.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay, any time, you name the place, you name the time, I will be there—masalah kebudayaan, tangkapan Yang Berhormat Karpal Singh—any time.

Tuan Zubir bin Embong: Anything you like, any topic.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sabar Yang Berhormat. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Ya. Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Judiciary kerana menunjukkan sekali lagi serta membuktikan kebebasan Kehakiman di Malaysia ini dalam membenarkan permohonan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong untuk Writ of Habeas-Corpus. Keputusan Mahkamah Tinggi Ipoh pada hari itu telah menghukumkan bahawa tangkapan asal Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 27hb Oktober, 1987 adalah *malafide* (in bad faith), dengan izin, dan Ahli Yang Berhormat itu telah didapati tidak bersalah seperti yang dituduh oleh pihak Kerajaan. Maka apakah perlunya pihak Polis untuk menangkap Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Saudara Karpal Singh semula lagi, hanya 8 jam selepas keputusan Mahkamah itu?

Adakah pihak Polis mendapati maklumat baru dalam tempoh yang

singkat itu iaitu 8 jam sahaja bahawa Saudara Karpal Singh merupakan satu ugutan yang serius kepada keselamatan negara ini?

Ini memang mustahil. Saya tidak percaya pihak Polis boleh begitu cekap dalam menjalankan tugas-lugas mereka. Jelasnyn, pihak Polis telah berazam tidak kira apa keputusan Mahkamah Tinggi Ipoh pada 9hb Mac, 1988, mereka akan terus menahan Saudara Karpal Singh di bawah ISA kerana ISA memper-utukkan kuasa yang luas, luar daripada had perundangan biasa.

Maka jelasnya, tangkapan semula Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu merupakan bukanlah hanya satu tindakan yang menghina kebebasan Judiciary sahaja mahupun tindakan yang berbau' penyalahgunaan kuasa oleh Kerajaan Barisan Nasional dan tidakkah ini menunjukkan hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk terus melakukan, dengan izin. political persecution.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, ada Ahli yang bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Nanti.

Tuan Zubir bin Embong: Takutkah?

Tuan Sim Kwang Yang: Political persecution terhadap pemimpin-pemimpin pihak Pembangkang dan mereka yang mengkritik pentadbiran Yang Berhormat Perdana Menteri sahaja. Apa?

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehlah.

Tuan Zubir bin Embong: Apakah dalam sistem Kehakiman ataupun sistem undang-undang yang ada di Malaysia ini tangkapan orang semula

selepas daripada ianya dibebaskan oleh mahkamah—kos Karpal Singh itu merupakan satu kes yang pertama berlaku? Saya minta Yang Berhormat dari Bandar Kuching menerangkan perkara ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya boleh jawab. Tuan Yang di-Pertua, kalau sabar, dengar sahaja. okay. Sebab saya mahu mengemukakan .hujah saya,

Pihak. DAP mahu Ahli Yang Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri memberitahu kepada Parlimen kenapa tangkapan semula Saudara Karpal Singh perlu. Mengapakah tindakan ini dilakukan dalam melanjutkan suatu ketidak-adilan tanpa pertimbangan hak asasi seorang Ahli Yang Berhormat yang terkemuka ini?

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. saya ingin memberi tahu kenapa ini satu bukti bahawa tangkapan ini menghina kebebasan Judiciary.

Tangkapan asal Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah disifatkan oleh Mahkamah Tinggi Ipoh sebagai. dengan izin. in a casual and cavalier tashion. izinkan saya membaca dari keputusan bertulis Yang: Arif Hakim Peh Swee Chin yang berbeza objectively and not

Viewed objectively and not subjectively, the error in all the circumstances would squarely in my view (dalam view Yang Arif Hakim itu) amount to the detention order being made without care, caution and a proper sense or responsibility. Such circumstances have gone beyond a mere matter of form". (Inilah keputusan Yang Arif Hakim. dan lagi. kini kenapa langkapan semula tidak diingini. di dalam pandangan Yang Arif Hakim itu).

"However, to repeat, the Minister has said, that not withstanding allegation of fact number six. (satu dari enam tuduhan, iaitu tuduhan yang telah didapati salah, not withstanding that), he was satisfied as to the necessity of the detention order having regard to the rest of the allegations of fact, (vis-a-vis allegations of fact number one to five). With very great respect to the Minister, and without in anyway wishing to doubt the Minister's probity in this matter, I do not think the court should accede to this persuasive statement for the following reasons:

(Salah satu reason ialah)

"It would be open to the apparent objection or criticism later that it would amount to condoning an authority re-exercising his discretion to relate back to his prior order of deprivation of some other person's liberty, when the original exercise of his discretion culminating in the prior order has been found to be affected materially by a factual error." (*Tepuk*)

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Maka, tidak dapat dinafikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tangkapan semula Saudara Karpal Singh yang telah dilakukan.

Tuan Zubir bin Embong: Saya belum habis.di bawah arahan Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Bolehkah baca keputusan Hakim itu?

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Kenapa? Dia hendak buat ucapan? Terima kasih.

Maka tidak dapat dinafikan bahawa tangkapan semula saudara Karpal Singh yang telah dilakukan oleh pihak berkenaan di bawah arahan kabinet pada 9hb Mac, 1988 ini merupakan satu tindakan yang telah dihukumkan salah oleh Mahkamah Tinggi Ipoh iaitu dalam text of judgement, dengan izin, "condoning an authority re-exercising his discretion to relate back to his prior order of deprivation of some other person's liberty." Tetapi apa yang menyedihkan ialah dalam kes ini bukan some other person's liberty tetapi Saudara Karpal Singh's liberty sendiri yang telah diugutkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini bukanlah kerana Saudara Karpal Singh merupakan seorang rakan saya dalam DAP sahaja, tetapi ini akan menghakikan keyakinan penuh di kalangan rakyat di dalam institusi-institusi awam seperti institusi Rule of Law, seperti institusi Parliament, institusi Police, institusi mass-media dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik di negara kita dapat wujud bukanlah hanya Parlimen boleh meluluskan undang-undang, bukanlah cuma pihak Executive boleh melaksanakan undang-undang, bukanlah cuma pihak Judiciary boleh menghukum apabila keraguan terhadap undang-undang timbul, bukan itu sahaja, tetapi batu asas kepada kestabilan politik ini adalah, dengan izin, spontaneous voluntary recognition of the working of the Law—keyakinan penuh secara sukarela oleh setiap rakyat Malaysia yang lahir dari hati mereka bahawa institusi-institusi ini baik dan dijalankan dengan baik dan habeas-corpus ini merupakan satu alat kehakiman, alat perundangan yang

amat penting, yang universal supaya melindungi hak asasi setiap orang warganegara Malaysia.

Kalau sekiranya seseorang yang ditahan di bawah ISA sudah memohon kepada Mahkamah Tinggi Ipoh dan sudah berjaya dan dibebaskan dan apabila pihak Executive menggunakan kuasa yang tuas di bawah ISA untuk menangkapnya semula, apakah dan bagaimanakah rakyat seluruh negara ini akan berfikir? Mereka akan berfikir, apa guna Court, dengan izin, what is the use of the Court? Ada court pun tak guna, ada undang-undang pun tak guna, asalkan pihak Executive mempunyai kuasa yang kuat sahaja dan mungkin mereka akan berfikir tentang soal-soal yang timbul di dalam perkembangan politik, apa guna mass-media, suratkhbar, radio dan TV yang hanya memberikan gambaran dari one side of the coin, dengan izin. Apakah gunanya undang-undang jika Yang Berhormat Perdana Menteri boleh melanggar Registration of the Societies Act dalam menubuhkan cawangan UMNO secara tidak sah supaya ianya boleh menang dalam pilihanraya? Sekiranya semua rakyat dapat menengok, melihat dan menyaksikan apa yang berlaku itu, rakyat akan hilang keyakinan penuh di dalam sistem demokrasi berparlimen kerana tangkapan semula Saudara Karpal Singh bersama-sama dengan semua peristiwa-peristiwa yang sedang berlaku dalam negara kita akan menghakikan keyakinan penuh rakyat di dalam institusi-institusi awam. Ini amat membahayakan. Saya bertanggungjawab, saya berhak untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini supaya.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. Atas apa?

Tuan Hashim bin Safin: On a point of order.

Tuan Sim Kwang Yang: On a point of order? Boleh.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat itu terlampau bersemangat sehingga membelakangkan Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak elok. Peraturan Mesyuarat 35 (1)—seseorang yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi, maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi.

Yang kurang eloknya, membelakangkan terus pada Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekali kala itu, untuk keseronokan bercakap, bolehlah.

Beberapa Orang Ahli: Kacau sahaja!

Tuan Hashim bin Safin: Ini point of order, bukan kacau, ini menghina Tuan Yang di-Pertua, tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat dari Bandar Kuching teruskan ucapan.

Tuan Sim Kwang Yang: Ini salah, dengan gangguan yang tidak bermakna ini, ia menghentikan momentum bila melafazkan ucapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa perkara tentang keadaan yang dihadapi oleh mereka yang ditahan di Kem Kemunting, Taiping, Perak sekarang. Yang pertamanya, mereka diberi seorang Pegawai Pemulihan, Saya tidak faham kenapa Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang perlu seorang Pegawai Pemulihan. Dia bukan penagih dadah dan dia bukan komunis. Mahu memulihkan dia kepada apa tujuan? Tidak tahu. Pegawai-pegawai Pemulihan ini

macam mana dapat mereka mengukur kejayaan dalam memulihkan seorang seperti Lim Kit Siang? Adakah tujuan ukuran ini bermaksud bahawa jikalau Lim Kit Siang esok menyatakan bahawa dia menyokong penuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia boleh dibebaskan? Kalau macam ini, susahlah, Lim Kit Siang akan habis, mungkin dia akan ditahan seumur hidup! Ini bererti rancangan pemulihan merupakan satu joke, satu mockery. Kalau tujuan pemulihan ini hanya untuk mereka ditahan untuk orang dari pihak Pembangkang dan sebagainya menukar prinsip mereka supaya menyokong pihak Kerajaan, ini tidak payah sama sekali.

Keduanya, mereka diperlukan berikrar tiga kali seminggu iaitu pada waktu pagi tiga hari satu minggu yang mana mereka diperlukan untuk menyokong dengan sepenuhnya, bersedia berkorban untuk taat setia kepada Agong—tiada keraguan—dan untuk mempertahankan kedaulatan negara—tiada keraguan. Tetapi mereka juga diperlukan untuk menyokong dasar-dasar Kerajaan—ini salah. Lim Kit Siang dengan 6 orang ahli yang lain yang ditahan sekarang merupakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang. Apakah maksud pihak Pembangkang—His Majesty's loyal Opposition, Tuan Yang di-Pertua.

Kita taat setia kepada Baginda dan negara. Sebagai pihak Pembangkang yang taat setia kepada Raja dan Negara, kita bertanggungjawab untuk mengkritik dasar-dasar Kerajaan. Mana dapat menyokong dengan sepenuhnya, tidak kira betul atau salah, mesti menyokong dasar-dasar Kerajaan? Dengan memerlukan Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP untuk berikrar demikian, pihak berkuasa di Kamunting sudah mensabotaj prinsip demokrasi negara kita. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri boleh menyiasat aduan saya

supaya perkara ini dapat diperbetulkan.

Ketiganya, lawatan oleh keluarga. Saya baca dari magazine ALIRAN bagi bulan Disember ini, yang mana kenyataan seorang lelaki atau suami kepada Lim Chin Chin, berbunyi seperti berikut, tentang lawatan isterinya di Kemunting.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

"The visits are conducted in a room divided by the floor-to-ceiling barrier. There is little physical contact".

Sentuh tangan pun tidak boleh. Kasihan dia.

"Chin Chin and I have been married for only five months and it is rather inhuman of them not to allow us get close to each other during the visit which lasts only half an hour. It is a long way to travel from Kuala Lumpur to Taiping for half an hour's visit, but it isn't worth the effort."

Baru kahwin lima bulan sahaja, sentuh tangan untuk meluahkan perkataan, "I love you" pun tidak boleh, kerana pegawai SB duduk di sana.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Simunjan bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay, saudara dari Simunjan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya hendak bertanya dengan Ahli Yang Berhormat ini, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat sendiri, kalau baru lima bulan kahwin, macam mana perasaan? (*Ketawa*)

Tuan Sim Kwang Yang: Memang saya marahlah. (*Ketawa*) Memang susah, sedih, marah, takut, bimbang. Apa yang terjadi memang mem-bimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Sim Kwang Yang: Dua minit sahaja lagi, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih. Lawatan peguam juga merupakan satu halangan. Dalam setiap lawatan yang dilakukan oleh peguam ini, pegawai SB selalu duduk di sana, dengar apa yang dicakapkan. Confidentiality, Tuan Yang di-Pertua, satu privilege yang wujud di antara seorang peguam dengan client di sini telah dihakis, dimusnahkan oleh pihak pegawai SB.

Di akhirnya, saya ingin tahu kalau Menteri dalam jawapannya boleh memberitahu kepada Dewan yang mulia ini sama ada badan-badan bebas seperti International Red Cross, ataupun Amnesty International telah mengemukakan permintaan supaya melawat mereka yang ditahan. Kalau mereka telah mengemukakan permintaan ini, adakah permintaan ini dilayan, dibenarkan? Bila? Kalau tidak, mengapa tidak? Ini saya mahu tahu kerana ini satu cara untuk menentukan sama ada seksaan telah dilakukan oleh pegawai-pegawai berkenaan ke atas mereka yang ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menggulung, saya ingin membaca tulisan oleh seorang peguam, Hakim yang terkenal dalam dunia ini, iaitu Lord Denning di dalam bukunya "Freedom From The Law". Dia berkata seperti berikut, dengan izin:

"Powers may be abused and if those powers are not abused, there will be no tyranny like them. It leads to a state of affairs where the police may arrest any man and throw him into the prison without cause assigned. It leads to the search of his home and

belongings on the slightest pretext or none. It leads to the gastapo and a police state. It leads to extorted confessions and the trials which are a mockery of justice."

Saya haraplah gastapo tidak akan wujud di Malaysia dan di samping itu saya bersedia untuk memperjuangkan supaya keadaan yang disebutkan ini tidak akan berlaku. Ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.28 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berucap menyokong di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka—Baginda Yang di-Pertuan Agong d hari istiadat Pembukaan Dewan, Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Baginda telah banyak menyentuh berbagai-bagai aspek dan telah dibahaskan oleh Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini mengikut pandangan masing-masing. Di dalam banyak perkara itu timbullah berbagai-bagai pandangan mengenai dengan masalah perpaduan rakyat di negara kita ini. Maka ramai Ahli-ahli Dewan membuat berbagai-bagai andaian dan tohmahan mengikut selera masing-masing.

Di sini saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini lebih-lebih lagi Ahli-ahli yang berminat kepada ajaran Al-Quran dan ajaran Al-Hadis yang selalu membangkitkan masalah perpaduan ini dengan agama. Di sini saya suka membawakan sejarah yang tercatat dalam Al-Quran sendiri sebagai menjadi panduan dan pengajaran kepada kita sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perpaduan ini bukan hanya masalah baru, bahkan masalah ini adalah masalah lama dan juga perpecahan di dalam masyarakat pun bukan masalah baru.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya. . . .

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, korum tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak cukup korum. Sila bilang—13. Tidak cukup. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir*).

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, masalah perpaduan ini bukan masalah baru, bahkan masalah ini adalah masalah lama dan juga perpecahan dalam masyarakat bukan masalah baru, ianya timbul di masa arahan yang dibuat oleh Allah s.w.t. untuk mewujudkan perpaduan di kalangan tiga golongan iaitu daripada Nabi Allah Adam a.h. para Malaikat dan Iblis. Allah s.w.t. mengarahkan supaya perpaduan diwujudkan di antara tiga golongan ini. Maka di sana timbul juga perpecahan.

Di sini saya suka membawa sejarah lama yang tercatat dalam Al-Ouran iaitu apabila Allah s.w.t. berfirman di dalam Al-Quran kepada para Malaikat seperti di dalam Surat Al-Baqarah, ayat 30 yang maksudnya: "Manakala Allah s.w.t. berkata kepada para Malaikat, Saya akan melantik orang yang memerintah di bumi ini, maka para Malaikat membuat teguran yang menandakan tidak setuju. Adakah engkau ya Allah

akan melantik orang yang sel membuat fasik dan selalu mengadakan pertumpahan darah sedangkan kamu para Malaikat sentiasa bertasbih memuji engkau iaitu sepatutnya kamilah dilantik menjadi Khalifah Lalu Allah s.w.t. berkata "wa Malaikat, Saya lebih mengetahui daripada apa yang kamu semua tidak mengetahui."

Tuan Yang di-Pertua, apabila Allah s.w.t. berfirman pula kepada Malaikat dalam ayat 34, Surah Baqarah yang maksudnya: "Apabila Allah mengarahkan kepada para Malaikat dan Iblis supaya semua menghormati kepada Adam maka para Malaikat menerima ianya mengikut arahan itu tetapi Iblis tidak menerima, enggan dan sombong dengan alasannya dia lebih baik daripada Adam a.h. kerana Allah s.w.t. menjadikan dia daripada tanah yang hina dan rendah mertabatnya."

Tuan Yang di-Pertua, sejarah yang kedua, juga tercatat di dalam Ouran, iaitu dua adik-beradik anak kepada Nabi Allah Adam a.h. iaitu Qabil dan Habil. Ringkas cerita apabila korban Habil diterima oleh Allah s.w.t. tiadanya korban Qabil maka Oabil naik perasaan mair dengki. Seterusnya cuba membuat korban Habil. Berpunca dari tidak puas hati inilah ianya sanggup membuat adiknya Habil sedangkan Allah s.w.t. telah menjelaskan Tuhan menerima apa sahaja amalan orang yang ikhlas hati. Tetapi oleh kerana dendam tidak puas hati, Qabil sanggup membunuh Habil. Ini adalah satu sejarah yang patut kita sama-sama mempelajari daripada apa yang berlaku kepada Oabil yang sanggup membunuh Habil dengan perasaan dendam dan tidak puas hati kerana Allah s.w.t. sanggup menerima amalan Habil tetapi menolak amalan Qabil.

, Tuan Yang di-Pertua. peristiwa yang berlaku lagi kepada Nabi Allah Muhammad s.a.w, kenapa dia dimusuhi oleh bapa saudaranya Abu Lahab. Abu Jahal. Abu Talib dan sebagainya, tidak lain tidak bukan semata-mata tidak puas hati di atas pemilihan Allah s.w.t. untuk menjadi Nabi dan Rasul dengan erti menjadi pemerintah dunia pada masa itu dan seterusnya sampai ke hari qiamat.

Tuan Yang di-Pertua. dengan tiga sejarah ini dapatlah disimpulkan sesiapa sahaja menjadi pilihan walaupun pilihan itu dari Allah s.w.t. sendiri ianya tetap dimusuhi. Dan sesiapa sahaja yang tidak berjaya sudah tentu ianya menjadi musuh kepada yang berjaya dan sentiasa mencari jalan untuk menjatuhkan orang berjaya.

Dalam masalah ini mari sama-sama kita melihat betapa ruginya rakyat jelata yang tidak bersalah, kedudukan negara kucar-kacir kalau perpaduan itu tidak dapat diwujudkan semata-mata tidak puas hati di atas keputusan yang telah pun ditentukan oleh Allah s.w.t. sendiri.

Sebagai ubat yang patut menjadi penawar yang diambil dari ajaran para Ulama tua-tua:

- (1) Imam Al-Shafie berkata yang ertinya: "tiap-tiap yang mempunyai nikmat tetap ianya didengki. Pendengki sampai bila-bila pun tidak dapat menjadi kctua dan pemerintah."

Satu lagi kata-kata ulamak yang bererti: Daripada sekeji-keji perkara yang keji ialah mereka yang tidak melihat keaipan diri sendiri dan ia tidak juga merasai kebaikan daripada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada kenyataan-kenyataan ini, katau benar-benar kita mahu

mewujudkan perpaduan yang tidak berbelah bahagi, masing-masing hendaklah membersihkan jiwa. Anggaplah segala keputusan itu qada' dan qadar dari Allah s.v t. Tuhan yang maha kuasa dengan tidak mementingkan diri, tidak suka menjatuhkan orang lain, tidak bersifat dengan tamak haloba dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua cuba mari kita mengkaji dari hikmat-hikmat dan matlamat tujuan-tujuan Allah s.w.t. menyusun ibadat khusus kepada kita orang Islam umpamanya. ibadat sembahyang, ibadat puasa, ibadat berzakat dan juga ibadat haji, kesemuanya tidak lain dan tidk bukan Allah s.w.t. menyuruhkan manusia supaya berpadu di antara satu sama lain. Tuan Yang di-Pertua, di antara ajaran Al-Ouran dan Al-Hadis supaya manusia tidak bersifat dengki dendam, satu dari ayat Al-Ouran yang berbunyi, dengan izin—Ayat 74, Surah Al-Imran yang memberi erti: Allah s.w.t. menentukan dengan rahmatnya kepada sesiapa yang ia kehendaki kerana ianya memberi kelebihan yang besar; dan Nabi bersabda, dengan izin, yang memberi erti: Tidak beriman seseorang kamu malahan ia kasih kepada saudara maranya sebagai mana ia kasih kepada dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua. manakala kita mengkaji dengan pengertian yang dapat kita capai dari ayat-ayat Al-quran dan Hadis-hadis dengan teliti dan mendatam apa faedahnya, apa tujuannya kita selalu dendam, perasaan tidak puas hati sesama sendiri, sedangkan rakyat jelata mendapati berbagai-bagai ancaman dan menerima berbagai akibat buruk, akibat dari perpecahan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengajak, terutama sekali kepada orang-orang yang selalu menuduh dengan yang bukan-bukan. Perhatikanlah Allah s.w.t. berfirman

di dalam Al-Ourannul-Karim. dengan izin. yang berbunyi (Ayat 94, Surah An-Nisa'), yang bererti: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berusaha untuk menegakkan agama Allah hendaklah kamu berhati-hati dan jangan kamu menuduh kepada mereka yang mengucapkan salam kepada kamu bahawa mereka bukan beriman semata-mata kamu mencari kekayaan dunia. Di sisi Allah harta-harta yang banyak kamu dahulu pun samalah tetapi Allah s.w.t. memberikan kamu dengan kekayaan maka hendaklah kamu mencari kenyataan sebelum menuduh kepada yang bukan-bukan kerana Allah s.w.t. mengetahui segala apa yang kamu lakukan

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah habis. bolehkah gulungkan?

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa sudah habis maka saya berbalik semula kepada Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. menyentuh soal meningkatkan taraf hidup rakyat.

Di sini saya bawakan beberapa perkara yang patut menjadi perhatian terutama sekali masalah pelajaran. khususnya di luar bandar kerana masih ramai lagi pelajar-pelajar luar bandar didapati keciciran di peringkat S.R.P. dan S.P.M. Dengan adanya keciciran inilah maka pelajar-pelajar dengan mudah sahaja terperangkap dengan penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Juga masalah kesihatan di luar bandar patut diberi kepada Kementerian Kesihatan mengambil perhatian kerana masih ramai lagi penduduk luar bandar yang masih rendah kesihatan mereka dan juga masalah kemudahan asas di luar bandar patut menjadi perhatian kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya bekalan asas dapat disampaikan kepada masyarakat luar bandar.

Akhir sekali saya menyentuh akhlak yang tinggi. Memang akhlak yang tinggi ini dikehendaki oleh Islam, kerana Rasulullah dibangkitkan untuk membaiki keadaan akhlak yang mulia. Di antara akhlak yang dikaji oleh ahli-ahli pakar dalam bidang akhlak, akhlak yang selalu menyuruh kepada keburukan, ada akhlak yang sanggup mencela perbuatan dirinya sendiri, akhlak yang tenang, tidak bergelisah apabila mengalami sesuatu. Dalam usaha menjaga akhlak inilah sama-sama kita perhatikanlah supaya tidak ada lagi berlaku tipu-menipu, pecah amanah, rasuah dan sebagainya kerana ini semua timbul dari akhlak yang rendah, akhlak yang selalu membawa keburukan. Maka Islam mengajar supaya manusia dipertingkatkan akhlaknya supaya bercakap benar, tidak selalu memburuk-burukkan orang lain, mensucikan jiwanya sendiri lebih daripada orang lain, tidak mementingkan diri. Moga-moga akhlak ini akan dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Dengan ini, saya menyokong di atas Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Sekian. terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marudu.

5.46ptg.

Tuan Joe Ojhi Supiring (Marudu): Tuan Yang di-Pertua, Titah Kebawah Duli Tuanku telah menyarankan beberapa aspek penting, terutama sekali dalam segi keselamatan negara atau ketenteraman rakyat Malaysia dan pembangunan ekonomi.

Dalam aspek ini, Tuan Yang di-Pertua, inginalah saya mengemukakan beberapa faktor sebagaimana yang saya fikirkan penting kepada negara Malaysia dan rakyat jelata negara ini. Dalam keadaan ekonomi yang masih

agi meruncingkan, maka kestabilan politik di seluruh negara harus kita utamakan. Dalam usaha untuk menstabilkan politik dalam negara ini, rakyat haruslah hidup dalam keadaan yang tenteram dan harmoni dengan cara hidup yang betul-betul mempunyai sanubari cintakan kedaulatan negara, dengan kata lain, semua golongan masyarakat yang berbilang kaum, keturunan dan kepercayaan dalam negara ini haruslah memikirkan bahawa istilah kekitaan adalah satu-satunya cara bagi kita bersatu-padu dalam negara ini. Dengan cara itu kita dapatlah memahami keadaan sekeliling kita khusus bagi mengintegrasikan fahaman di antara satu keturunan dengan yang lain. Pada hakikatnya negara kita adalah yang paling kaya dalam segi kebudayaan dan ini kita harus bersyukur kepada Yang Maha Kuasa kerana kita telah dilimpah kurnia oleh Tuhan banyak Kekayaan dan kelebihan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia seharusnya menyedari sebagaimana yang berlaku di sekeliling negara kita di mana berlakunya peperangan sesama sendiri, kurang makanan dan lain-lain kerumitan lagi. Oleh itu segenap lapisan masyarakat yang berbilang kaum dalam negara ini harus menyedari dan menanamkan etika kita sebagai insan dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia sangatlah berhutang budi Kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong kerana sangat mementingkan dan menekankan pentingnya pembangunan ekonomi, pembangunan pendidikan, khususnya bagi keselamatan rakyat dan negara Malaysia. Dalam aspek penyusunan semula ekonomi luar bandar memang kita bangga, terutama sekali program penyusunan semula masyarakat, kecuali pada masalah yang ketidakseimbangan pendapatan yang bertambah buruknya dalam beberapa

tahun kebelakangan ini. Misalnya bagi Semenanjung Malaysia kadar kemiskinan telah menurun dengan jelas dari 49.3% pada tahun 1970 kepada 18.4% pada tahun 1984. Dalam jangkamasa tahun ini minima pendapatan isi rumah bumiputera dalam angka sebenar telah meningkat pada kira-kira 30%. Pendapatan minima sebenar bagi golongan bumiputera sebagai proposi daripada purata pendapatan isirumah negara sebulan telah meningkat dari 65% iaitu \$172 kepada 78% iaitu \$384 dalam jangka masa yang sama. Ini menunjukkan pencapaian yang menggalakkan.

Dari segi kestabilan politik pula, kita digolongkan sebagai negara yang stabil di rantau ini. Ini adalah disebabkan oleh mutu kepimpinan yang ada dalam negara ini, khususnya Kerajaan-kerajaan Negeri kita sekarang dan juga Kerajaan Persekutuan. Sesungguhnya kestabilan politik di Malaysia telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang memuaskan pada tahun-tahun selepas 1970an. Hasil kestabilan politik yang dialami oleh negara, maka kerjasama dan persefahaman antara kaum, toleransi keagamaan dan interaksi budaya di kalangan kumpulan-kumpulan ethnic di Malaysia telah berkembang dan maju ke tahap yang boleh dibanggakan oleh semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita dan rakyat memandang ke hadapan untuk kebahagiaan, terutama sekali bagi mereka yang menghargai kesusahan dan membentuk sesebuah negara, kita tahu bahawa proses membentuk negara itu adalah tugas yang berat. Proses pembentukan negara tidak berakhir dengan lahirnya sebuah negara sahaja. Proses ini tidaklah seperti sungai yang ada hulu dan ada hilirnya. Pembentukan negara adalah satu proses yang tidak ada akhirnya dan terlibat dalam

pembentukan itu adalah janji untuk kebahagiaan hari esok.

Dalam masa kita dan rakyat memandangkan ke hadapan untuk kebahagiaan hari esok, kita menyedari dan memahami bahawa terdapat banyak cabaran yang perlu dilalui oleh negara kita. Dalam masa yang suntuk ini, saya ingin menekankan beberapa masalah dan cabaran tersebut. Walau bagaimanapun, saya ingin menitik-beratkan masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang berhubung-kait khusus dengan pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah.

Ingin juga saya menekankan di sini bahawa masalah kekurangan tenaga kerja dan kekurangan kemudahan-kemudahan kesihatan di Sabah bertambah buruk disebabkan oleh masalah pendatang haram terutama sekali pendatang haram Filipina. Queen Elizabeth Hospital Kota Kinabalu didapati bahawa kira-kira 30% daripada pesakit luar adalah terdiri daripada pendatang-pendatang haram. Pendatang-pendatang haram ini merupakan satu ancaman kesihatan kepada penduduk Sabah. Oleh itu, kawalan ketat ke atas kemasukan dan keluaran mereka dari Sabah harus diambil untuk memastikan supaya mereka tidak membawa penyakit yang boleh berjangkit. Di dalam masa yang lampau, pendatang-pendatang haram ini telah menjadi point of focus, dengan izin, atau tumpuan untuk berlakunya penyakit berjangkit seperti cholera dan lain-lain penyakit. Oleh yang demikian, tidaklah dapat dinafikan bahawa sebahagian daripada penyakit-penyakit yang berjangkit adalah berpunca daripada pendatang-pendatang haram. Ini bererti bahawa pendatang haram bukan sahaja satu ancaman kepada kestabilan dan keselamatan negara, tetapi juga kepada kesihatan penduduk-penduduk tempatan.

Dalam membincangkan soal pendatang haram ini, izinkan saya

membawa ke hadapan untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Masalah-masalah lain yang berkait dengan pendatang haram, kami di Sabah menganggap penyelesaian bagi masalah ini sebagai satu cabaran yang besar yang dihadapi oleh Kerajaan dan kami mahu agar penyelesaian kepada masalah utama ini dikongsi bersama dengan Kerajaan Persekutuan. Masalah pendatang haram di Malaysia sememangnya bukan baru dan sememangnya lebih ketara di Sabah. Rakyat dari negara-negara jiran telah memasuki negeri Sabah semenjak beberapa dekad yang lalu kerana para pemimpin politik sama ada di Sabah ataupun di Semenanjung pada masa dahulu berkecenderungan untuk tidak mengambil endah masalah tersebut.

Pada masa ini masalah pendatang haram di Sabah telah mencapai proposi yang mencemaskan. Awal tahun ini dilaporkan bahawa terdapat 330,000 pendatang haram Indonesia di Malaysia yang mana 130,000 daripadanya terdapat di Sabah. Anggaran rasmi bagi bilangan pendatang haram dari Filipina berbeza tetapi anggaran Kerajaan Negeri Sabah adalah antara 350,000 hingga 400,000. Angka-angka ini bila dicampurkan menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya setengah juta pendatang haram berada di Sabah yang mana jumlah penduduknya hanya 1.2 juta orang dan bilangan ini bertambah dari hari ke sehari disebabkan senangnya datang dan pergi bagi mereka,

Saya ingin menyatakan kepada sahabat-sahabat saya Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa kewujudan pendatang haram adalah satu ancaman besar kepada keselamatan negara kita. Pendatang haram yang saya maksudkan ialah warganegara asing yang tidak mempunyai pas perjalanan dan

pekerjaan yang sah. Di Sabah ialah meliputi pelarian dan pekerja asing yang tidak mempunyai permit bekerja yang sah yang terdapat dalam kerja-kerja ladang dan pembinaan. Mereka ini juga didapati di bandar-bandar persisiran pantai di pantai timur negeri Sabah sama ada sebagai penjaja kecil-kecilan atau setinggan yang tidak bekerja dan peminta sedekah.

Kenyataan bahawa pendatang haram ini adalah ancaman kepada keselamatan negara kita tidak perlu dihuraikan lagi. Kita perlu mengimbas kembali kejadian pada tahun 1985 di Lahat Datu bila 20 orang lanun berpakaian seragam hijau merompak bank dan mengakibatkan beberapa orang mati dan cedera teruk dan penjenayah-penjenayah ini masih bergiat. Bahkan kita baru-baru ini pada seminggu yang lalu iaitu 4hb Mac lalu, kejadian telah berlaku di mana perompak-perompak atau lanun-lanun menentang Pasukan Keselamatan Malaysia dan saya rasa Kerajaan harus menganggap bahawa masalah ini hendaklah disegerakan bagi kepentingan rakyat Malaysia, khususnya bagi rakyat Sabah.

Terdapat pandangan bahawa lambat-laun pendatang haram di Sabah yang setakat ini belum diketahui jumlah sebenarnya akan menjadi satu ancaman kepada aturan dan kehidupan masyarakat dan ini pasti membahayakan keselamatan negara. Ia juga menjadi ancaman kepada bidang sosio-ekonomi kerana pendatang haram ini nampaknya merebut peluang pekerjaan di ladang-ladang, pembinaan dan perniagaan kecil-kecilan. Mereka juga menjadi beban dalam penyediaan kemudahan serti perumahan, kesihatan dan pelajaran. Sudah lama masalah pendatang haram di Sabah diambil ringan oleh pemimpin-pemimpin politik di Semenanjung. Saya juga ingin mengajak Ahli-ahli Dewan di dalam Dewan yang mulia ini untuk

mengunjungi kawasan persisiran pantai di Sabah dan melihat keadaan yang sebenarnya bagaimana seterusnya masalah ini.

Untuk sekian lama kita cenderung untuk menerima pandangan bahawa pendatang haram memberi sumbangan sedikit sebanyak dalam pembangunan ekonomi, terutama sekali semasa kemelesetan ekonomi di mana rakyat mencari peluang ekonomi yang lebih baik. Kita juga menerima tanpa persoalan pandangan bahawa pendatang haram diperlukan untuk menguruskan ladang-ladang. Kita seharusnya berhati-hati untuk tidak mengorbankan keselamatan negara kita hanya untuk kepentingan ekonomi yang jangka masa pendek.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah gulung?

Tuan Joe Ojhi Supiring: Ya. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Kerajaan Malaysia memang bersungguh-sungguh berikhtiar mempertingkatkan ekonomi negara dan memanglah bersungguh-sungguh untuk memperbaiki taraf hidup rakyat di luar bandar. Saya yakin bahawa sekiranya barangan keluaran negara kita sama ada hasil pertanian, buatan tempatan atau keluaran hasil industri dapat dipertingkatkan mutu, maka saya percaya kekayaan negara kita ini boleh mengubah corak ekonomi negara kita yang lebih menggalakkan. Dalam faktor ini maka saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengurangkan import barangan negara luar. Yang sebenarnya kita boleh perolehi melalui usaha dengan titik peluh kita sendiri terutama sekali pengimportan daging-daging, sayur-sayuran dan bahan mentah yang terdapat sumber dalam negara kita ini.

Kerajaan harus mendorong atau membantu Kerajaan Negeri supaya dapat mendirikan pelbagai industri

berat dan industri luar bandar untuk memproses barangap tempatan untuk dijadikan dagangan eksport yang bertaraf dan bernilai seperti hasil pertanian, koko, kelapa muda, copra, halia dan sebagainya. Demikian juga tangkapan nelayan kita seperti udang dan ikan, kita harus pentingkan mutu peketnya dan perluaskan pasaran ini.

Saya percaya Kerajaan pada masa menghadapi kemelesetan ini mempunyai cara-cara yang berbentuk program mengatasi masalah agensi-agensi Kerajaan, dan hal ini saya ketahui bahawa sebilangan besar dahpada agensi Kerajaan diwajibkan atau dikenakan membayar cukai. Walaupun Jabatan atau Lembaga itu memang berperanan sebagai fungsi Jabatan Kerajaan sepenuhnya, dalam perkara ini saya khususnya iaitu Lembaga Pelabuhan Sabah, di mana peranannya adalah membangunkan infrastruktur keperluan rakyat, membantu untuk mengurangkan penganggur-penganggur yang sedang berleluasa ini. Dan pada dua tahun lalu Kerajaan telah membina sebatang RORO bridge yang berharga lebih kurang \$7 juta untuk Feri Malaysia. Dalam hal ini saya merayulah kepada Kementerian Kewangan supaya mengecualikan Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah daripada dikenakan membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Satu mmit.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit, bermakna satu minit.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan masalah pengangguran ini memanglah menjadi satu masalah Kerajaan yang besar. Dalam perkara ini sukalah saya merayu kepada Kementerian Pendidikan iaitu satu perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai

penamatan tugas-tugas guru-guru sandaran di negeri Sabah baru-baru ini.

Saya merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya mengambil balik guru-guru yang telah ditamatkan pekerjaan ini, kerana aspek keperimanusiaan, oleh sebab guru-guru ini pada awalnya telah pun diterima menjadi pendidik, dan saya tidak bersetuju bahawa kelayakan mereka adalah dipersoalkan dan mereka sudah bertugas beberapa tahun. Oleh itu Kementerian Pendidikan seharusnya mengkaji semula perkara ini dan mengambil balik para pendidik ini, kerana pada ketika ini mereka sudah digolongkan dalam bilangan panganggur-penganggur dalam negeri ini, khususnya dalam negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

6.06 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk merakamkan terima kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya hendak mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan di Dewan yang mulia ini fikiran-fikiran dan perasaan-perasaan rakyat jelata serta menyampaikan tuntutan-tuntutan dan cadangan-cadangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh perkara-perkara yang lain, saya juga seperti Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, saya ingin merakamkan pembantahan sekeras-kerasnya di Dewan yang mulia ini atas penahanan semula Ahli Yang Berhormat dari Jelutong iaitu Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh. Ini membuktikan bahawa negara kita makin merupakan sebuah negara Polis oleh kerana nampaknya negara kita

tidak lagi menghormati apa yang diputuskan oleh mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, demi menjaga kestabilan regim parti pemerintah, kerajaan telah menggunakan satu kta yang paling tidak bersifat demokratik, iaitu Akta Keselamatan dalam Negeri atau ISA untuk penahan secara besar-besaran Wakil-wakil Rakyat parti-parti pembangkang, mulai Oktober tahun lalu. Tujuan Kerajaan atau parti pemerintah ialah:

Pertama, menunjukkan kekuatan dan kewibawaannya terhadap musuh-musuh politik yang dalam parti ia sendiri; dan

Kedua, melemahkan pengaruh dan kekuatan parti-parti Pembangkang, orang-orang yang telah dan masih tahan di operasi itu, termasuk Ketua pembangkang merangkap Ahli parlimen bagi Kawasan Tanjung, saudara Lim Kit Siang. Mereka merupakan pejuang demokrasi dan kepentingan rakyat yang paling berkaliber serta pengkritik Kerajaan barisan Nasional yang paling hebat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat syaki lagi, rakyat jelata di negara ini terasa sangat tidak puas hati dengan tindakan Kerajaan itu. Akan tetapi sebabkan oleh Akta Polis (Pindaan) m juga Akta Percetakan dan penerbitan (Pindaan) yang telah diluluskan di Dewan ini pada bulan Disember yang lalu, mereka hanya oleh merasa tidak puas hati tetapi tidak berani mengeluarkan perasaan mereka secara terbuka.

Walau bagaimanapun, Wakil-wakil rakyat dari parti-parti Pembangkang masih berani menyuarakan perasaan-perasaan, fikiran-fikiran dan pendapat-pendapat mereka dengan jujur secara terbuka, tetapi malangnya sebahagian besar daripada mesej-mesej kami tidak lagi disiarkan

dengan sepenuhnya di suratkhobar-suratkhobar tempatan, terutamanya di suratkhobar-suratkhobar yang dimiliki atau yang dikawal ketat oleh parti-parti pemerintah. Hakikat ini telah menjadi pengetahuan orang ramai di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar rakyat jelata telah menyampaikan perasaan tidak puas hati kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional melalui undi-undi mereka dalam pilihanraya kecil kawasan Tanjung Puteri.

Dalam pilihanraya kecil itu, undi calon Barisan Nasional telah hilang sebanyak 1,409 undi. Jika dibanding dengan keputusan yang diperolehi oleh Barisan Nasional pada tahun 1986, keputusan kali ini menunjukkan bahawa terdapat lebih ramai orang lagi yang tidak mempercayai parti pemerintah. Ini juga meunjukkan bahawa krisis keyakinan kepimpinan Perdana Menteri bukan sahaja berkurangan tetapi sebaliknya tidak dipertingkatkan.

Sungguhpun dalam masa kempen pilihanraya kecil Tanjung Puteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tokoh-tokoh UMNO Baru serta parti-parti komponen Barisan Nasional pergi berkempen di sana untuk memastikan kemenangan cemerlang bagi calon UMNO Baru, tetapi jumlah undi majoriti jatuh juga dari 506 undi ke 31 undi sahaja jika dibandingkan dengan tahun 1986. Mungkin satu usul percaya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus dibentangkan dalam Dewan ini oleh pihak Barisan Nasional untuk menentukan sama ada kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat terus merosot seperti yang dibayangkan dalam keputusan pilihanraya kecil Tanjung Puteri.

Tuan Yang di-Pertua, di luar negeri juga semakin banyak negara telah mengutuk Kerajaan Barisan Nasional

kerana menjalankan operasi penahanan ISA secara besar-besaran. Ini bukan imaginasi ataupun ciptaan saya, tetapi merupakan satu hakikat yang telah pun diakui oleh Perdana Menteri sendiri. Saya percaya apa yang telah diakui oleh Perdana Menteri itu adalah hasil pengalamannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan penahanan Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dari Pembangkang bukanlah jalan untuk menyelesaikan masalah kerana pihak yang berkenaan tidak akan dapat menahankan fikiran-fikiran mereka dan menyelesaikan ketidakpuasan rakyat sungguhpun badan mereka ditahan. Saya berharap pihak Kerajaan sedar bahawa fikiran dan pendapat ke tujuh-tujuh orang pemimpin DAP dan lain-lain orang bukanlah semata-mata kepunyaan mereka sendiri sahaja, sebaliknya ia adalah membayangkan fikiran dan pendapat beribu-ribu dan berjuta-juta rakyat di negara kita. Tindakan penahanan ini sebenarnya telah membuktikan bahawa mereka adalah pemimpin-pemimpin rakyat yang tulin dan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah negara yang berbilang kaum seperti Malaysia, perpaduan rakyat merupakan syarat yang paling penting untuk kestabilan negara. Demi mencapai tujuan ini, Kerajaan haruslah melaksanakan dasarnya dengan adil dan bukan semata-mata meomong kosong.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya dalam negara kita, setiap rakyat dibahagikan kepada bumiputera dan bukan bumiputera sebaik sahaja kita dilahir, semua bukan bumiputera dan bumiputera yang liberal memang berasa dan mengakui bahawa perbuatan Kerajaan yang tidak adil ini telah memecahkan rakyat kita menjadi dua golongan apabila kita sudah besar dan faham ertinya perkataan bumiputera. Bukan ini sahaja, dalam

sepanjang masa kehidupan, seorang bukan bumiputera sentiasa terpaksa menghadapi dan mengalami layanan yang tidak sama dengan bumiputera tak kira betapa miskin dia.

Saya tidak nampak kenapa seorang bukan bumiputera yang miskin tidak boleh diberi layanan seperti apa yang diberi kepada bumiputera. Saya juga tidak nampak kenapa seorang jutawan bumiputera diberi layanan keistimewaan. Sebenarnya pada masa sekarang yang betul-betul menikmati layanan keistimewaan bukanlah sebahagian besar bumiputera yang miskin, tetapi sebaliknya hanya disapu oleh segelintir bumiputera yang berkuasa, kaya dan berpengaruh. Golongan bumiputera yang miskin kini cuma menikmati layanan keistimewaan atas nama sahaja. Inilah menyebabkan kebanyakan orang-orang Melayu, Iban dan Kadazan masih hidup dalam keadaan yang buruk. Siapakah patut disalahkan? Memang bukan parti-parti pembangkang, tetapi ialah Kerajaan Barisan Nasional.

Saya bersetuju sama sekali bahawa hak keistimewaan harus diberi kepada bumiputera yang miskin. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa bukan bumiputera yang miskin harus juga diberi layanan yang sama. Oleh yang demikian, saya bercadang supaya MARA dibuka untuk penyertaan semua rakyat tak kira sama ada mereka adalah bumiputera atau tidak. Jika sekiranya tidak, maka patutlah Kerajaan menubuhkan satu majlis seperti MARA untuk tujuan membantu bukan bumiputera yang miskin. Dengan yang demikian, saya yakin dalam tujuan mencapai perpaduan rakyat, Kerajaan telah mara satu langkah yang agak besar.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berasa amat kesal dan ingin mengutuk dengan sekeras-kerasnya selepas mendengar ucapan yang cukup sensitif

dan niatnya untuk menghina semua rakyat Malaysia keturunan Cina oleh seorang Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional. Saya boleh juga bertindakbalas dan membuat tuduhan-tuduhan yang bukan-bukan terhadap mana-mana kaum pun sekiranya saya tidak bertanggungjawab seperti Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, demi keharmonian dan kestabilan negara kita dan sebagai seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab dan bukan kurang ajar, saya memang tak mahu buat demikian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Semporna.

6.16ptg.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai (Semporna): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur pada Allah dan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang bagi saya mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Titah Ucapan di-Raja. Saya menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong seperti yang dicadangkan dalam usul yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pada hari Selasa 8hb Mac, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara telah berlaku dalam negara kita baru-baru ini yang telah betul-betul menguji ketabahan, ketahanan dan perpaduan rakyat serta pemimpin yang mereka pilih. Kita bersyukur kepada Allah kerana semua ujian itu dapat dihadapi dengan hati yang tabah dan bijak sehingga kesejahteraan dan keamanan negara dapat dipertahankan dan lantaran itu membolehkan proses pembangunan negara dan masyarakat diteruskan. Di sini jelas menunjukkan bahawa pimpinan Yang Amat Ber-

hormat Dato' Dr Mahathir Mohamad, selaku Perdana Menteri Malaysia dan Pengerusi Barisan Nasional berjaya menyelamatkan maruah bangsa dan negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan adalah asas bagi kekuatan sesebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Dengan hal yang demikian, usaha bagi mengukuhkan perpaduan di antara kaum haruslah diperketatkan dan semua pihak yang terlibat harus memahami serta melaksanakannya dengan lebih baik demi untuk mencapai matlamat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kerajaan telah melancarkan berbagai-bagai aktiviti bagi mengukuhkan lagi perpaduan yang wujud di negara kita ini. Usaha-usaha Kerajaan bagi mencapai matlamat ini haruslah juga difahami oleh parti-parti politik dan pihak-pihak tertentu di Malaysia ini. Janganlah ada mana-mana pihak yang cuba memainkan isu perkauman dan sensitif bagi mendapat sokongan dan mencetuskan perasaan wasangka di antara kaum. Perlu ditegaskan di sini bahawa usaha-usaha Kerajaan ke arah perpaduan rakyat dan keamanan dan kemakmuran negara adalah sangat baik dan mendapat sokongan daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam memperluaskan pemakaian bahasa baku, saya juga turut menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan sebagai alat perhubungan yang terpenting. Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan adalah perlu diselaraskan dan diseragamkan penggunaannya. Semua rakyat di Malaysia seharusnya sedar akan perlunya kita sendiri berusaha mendaulatkan bahasa kebangsaan kita dan tidak boleh mengharap orang luar untuk mendaulatkannya. Kita juga merasa bersyukur kerana dapat hidup dalam masyarakat berbilang bangsa, berbilang keturunan dan

agama dengan menggunakan satu bahasa yang dicintai dan yang diharapkan boleh mewujudkan satu bangsa Malaysia yang kuat.

Penggunaan Bahasa Malaysia oleh semua rakyat melahirkan satu masyarakat Malaysia yang padu dan ini meninggikan lagi imej Malaysia di mata dunia. Penggunaan Bahasa Malaysia baku lebih memberi manfaat dan ianya akan dapat melahirkan generasi yang beridentiti satu rumpun bangsa dan mendautatkan bahasa yang mana Bahasa Malaysia pada masa ini sudah menjadi bahasa ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia amnya dan rakyat Malaysia di Sabah khususnya berterima kasih kepada Kerajaan di atas perhatian dan pembangunan-pembangunan asas seperti penyediaan bekalan air, elektrik, jalan raya dan lain-lain yang telah diberikan nikmat dari pembinaan itu telah dirasakan oleh rakyat Sabah untuk keselesaan hidup seharian dan di dalam mempertingkatkan kegiatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun khususnya kepada rakyat di Sabah kami raengharapkan bantuan berterusan daripada Kerajaan pusat untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang memang ternyata masih terdapat kawasan-kawasan yang belum lagi menikmati kemudahan-kemudahan tersebut khasnya di kawasan di mana parti USNO sebagai parti Pembangkang dalam negeri yang kurang mendapat layanan dan ketiadaan kemudahan itu menyebabkan kegiatan ekonomi dan pembangunan di kawasan berkenaan agak lembab.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha yang sedang dibuat berkaitan dengan aktiviti-aktiviti kemajuan industri pelancongan Malaysia. Perhatian juga diharapkan

untuk memajukan industri ini selain Semenanjung di Negeri Sabah dan juga Sarawak. Di Sabah umpamanya sebagaimana yang sudah kita maklumi banyak tempat-tempat atau lokasi yang mempunyai potensi industri pelancongan ini. Antaranya seperti Taman Negara Kinabalu, Taman Tunku Abdul Rahman, Pusat Pemeliharaan Orang-orang Utan di Sandakan, kawasan di Kuala Penyu dan juga kawasan saya di daerah Semporna seperti di Pulau Buaya Dulang dan pulau-pulau lain-lain yang menarik keindahannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membangunkan negara, sifat amanah haruslah ditanam di dalam jiwa dan sanubari setiap rakyat Malaysia. Dasar bersih, cekap dan amanah yang ditonjolkan oleh Kerajaan sememangnya baik dan ianya akan dapat melahirkan insan-insan yang luhur dan jujur. Sekiranya perkara ini dapat dihayati oleh setiap rakyat maka tidaklah timbul masalah-masalah penyelewengan dan lain-lain perkara yang sedikit sebanyak boleh menggugat pembangunan negara yang dirancang oleh Kerajaan untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya menyentuh perkara mengenai perkembangan agama Islam di Negeri Sabah dan juga mengenai lanun-lanun di kawasan pantai timur khasnya daerah saya Semporna.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan agama Islam menjadi topik perbincangan masyarakat Islam di Sabah dewasa ini sebagai sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk mengembangkan syiar Islam di Negeri Sabah, Majlis Agama Islam Negeri itu telah menerima peruntukan sejumlah \$20 juta bagi menjalankan kegiatan-kegiatan bagi tahun 1988, akan tetapi dalam beberapa hal pihak Majlis Agama Islam Sabah tidak dapat

mengatasi masalah yang dihadapi oleh setengah-setengah daerah di negeri itu disebabkan kekurangan kakitangan terutamanya sekali para Kadhi untuk menyelesaikan kes-kes yang berhubung kait dengan hukum-hukum syariah.

Dalam beberapa hal, misalnya di kawasan Wilayah Tawau yang merangkumi 6 daerah, kekurangan pegawai-pegawai yang bertauliah untuk menguruskan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam yang ada hubung-kaitnya dengan hukum syariah terlalu ketara. Banyak kes-kes yang tergendala dan pusat-pusat maksiat ada setengahnya tidak dapat dikawal. Oleh kerana masalah ini mengaitkan kehidupan rakyat terutama sekali masyarakat Islam, pihak Majlis Agama Islam Sabah seharusnya mengambil langkah-langkah segera untuk menambah bilangan pegawai-pegawai yang bertauliah di mana terdapat kekurangan tersebut dan walaupun saya ada menerima jawapan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri mengenai soalan-soalan yang saya telah kemukakan tetapi ingin saya kemukakan di sini bahawa pendidikan agama Islam di Sabah jikalau dibandingkan dengan di Semenanjung ini adalah sangat jauh ketinggalan terutamanya sekali pendidikan kepada masyarakat Islam di luar-luar bandar kerana ketiadaan sekolah agama, Ustaz-ustaz maka keadaan ini adatah sangat meragukan masa depan umat Islam di dalam keadaan-keadaan pengaruh dunia sekarang ini.

Dalam hubungan ini, suka saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji apakah cara yang sebaik-baiknya supaya masalah yang saya sebutkan tadi dapat perhatian dan kerjasama daripada pihak Kerajaan pusat dengan Kerajaan negeri supaya perkara ini perlu diambil perhatian sewajarnya

memandangkan agama Islam adalah menjadi agama rasmi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan rakyat di pantai timur, masalah keselamatan adalah merupakan juga keselamatan seluruh negara kita ini. Dengan adanya keselamatan yang terkawal dan terjamin, kehidupan rakyat akan terus berada di dalam keamanan, kebahagiaan dan ketenteraman. Tetapi seandainya keselamatan tidak terkawal maka kehidupan rakyat tidak akan terjamin.

Saya merasa dukacita menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu kelmarin berlaku satu rompakan di daerah saya Semporna kira-kira jam 3.30 petang perompak-perompak telah datang masuk ke pekan Semporna dan merampas barang-barang emas di sebuah kedai serta membunuh tiga orang penduduk Semporna dan mencederakan 6 orang yang lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk Semporna merasa cemas dengan keadaan-keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh sambung pada hari Isnin. Masa telah cukup.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tinggal sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri untuk habiskan.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Kerana penduduk-penduduk Semporna terutamanya pihak nelayan yang tinggal di tepi laut mereka sudah merasa takut dan keadaan-keadaan keganasan perompak yang bersambung-sambung ini. Dan nelayan-nelayan tidak dapat lagi turun berusaha ke laut sehingga kehilangan mata pencarian mereka. Dan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jikalau Yang Berhormat menggulung, saya benarkanlah, kalau sekiranya tidak, Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai:
Baiklah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-
Yang Berhormat, mesyuarat
ditangguhkan hingga hari Isnin, 11
Mac, 1988 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul
6.30 petang.

